

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

**KP PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MATEMATIK
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR**

KETUA PTJ :

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

PENULIS :

1. NUR SYAZANA BINTI ANUAR
2. SUZANA BINTI AHMAD
3. YUZI BINTI MAHMUD
4. SUZANA BINTI AHMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dengan bertemakan ***Iconic and Impactful***, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) berdiri megah dengan Pensejaran Perancangan Strategik 2024 – 2025. 10 PI telah diamanahkan kepada Hal Ehwal Pelajar (HEP). Menyahut cabaran ini, HEP memperkenalkan **Model Mahasiswa KPPIM** bertemakan ***Sought After and Self Sustained*** yang bukan sahaja melihat kepada kemenjadian pelajar yang cemerlang, tetapi turut menekankan elemen kepimpinan, keusahawanan, khidmat masyarakat, kesenian, inovasi, sukan dan global. Berpaksikan ini, HEP KPPIM membuka laluan kejayaan pelajar yang dengan **3 inovasi** utama iaitu **GemP4K, Worldwide International Student Engagement (WISE) dan Grow Your Intrepreneurial Skills (G-YES)**.

Sepuluh PI **dijayakan bersama** oleh semua pihak dari pucuk kepimpinan HEP, Kelab/Persatuan, Penasihat Kelab, pelajar, pensyarah dan seluruh warga KPPIM.

Kebertanggungjawaban dan **integriti** sentiasa menjadi denyut nadi. Semua proses dijalankan berlandaskan **tatacara** bagi mengambil kira semua aspek termasuk impak dan risiko. Aktiviti pelajar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP) untuk kelulusan dan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (MJE) bagi pengesahan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) sentiasa bersifat reaktif untuk menilai risiko terutama yang melibatkan pelajar. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dijadikan platform untuk menilai kembali perjalanan dan operasi semua bahagian di KPPIM disamping Audit Dalam yang mencadangkan penambahbaikan.

KPPIM sentiasa **memantau** pretasi PI dengan aktif. Pembentangan setiap suku tahun telah berjaya **melonjakkan** pencapaian ke tahap 100% seawal Q3. Dengan kaedah **Model Winner's Journey WTEC**, HEP KPPIM menekankan kaedah explorasi dan pembelajaran sendiri, namun **terpimpin** bagi membina keyakinan pelajar dalam menjalankan aktiviti. Dengan kaedah ini, pelajar dan penasihat kelab/persatuan berkerjasama dan sebarang intervensi dapat dibuat diperingkat awal. Selain MJPR yang melihat kepada risiko diketahui, KPPIM turut memandang serius risiko diketahui-tidak diketahui. Berdasarkan pengalaman lepas, KPPIM sentiasa bersedia untuk mendengar sebarang **maklumbalas** dari semua terutama dari pelajar. Aduan pelajar sentiasa diambil berat dengan penyediaan pelbagai platform seperti e-Care HEP KPPIM, e-Aduan, email mahupun Whatsapp. Sekiranya aduan memerlukan pihak KPPIM untuk menghulurkan bantuan, kumpulan HEP sentiasa **bersedia** bertindak namun masih mengikut saluran rasmi. Tidak hanya menunggu, kumpulan HEP turut bergiat aktif menyediakan keperluan sekiranya diperlukan. Tadbir urus KPPIM yang **mantap** bagi membentuk **kemenjadian** pelajar disokong dengan **ketersediaan** KPPIM mendokong pelajar membuah hasil apabila pelajar KPPIM bukan sahaja **cemerlang** akademik, tetapi terbentuk **sahsiah** diri yang tinggi. Tidak hanya aktif di lapangan akademik, pelajar KPPIM terus mengorak kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai pertandingan termasuk inovasi, kesukanan dan kesenian. Golongan kurang upaya juga tidak pernah terpinggir malah menjadi salah satu agenda utama KPPIM.

Kebersamaan, penambahbaikan berterusan dan penghargaan merupakan **budaya kerja** KPPIM. Elemen kebersamaan bukan hanya dapat dilihat di antara pihak pengurusan, pensyarah dan pelajar di kampus utama. Ianya turut diterapkan kepada kesemua cawangan KPPIM melalui mesyuarat kolej dan sesi *townhall*. Penambahbaikan berterusan sentiasa menjadi penekanan di dalam setiap mesyuarat termasuk MJE, JPAP, MKSP, MJPR dan sebagainya. Tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan di tempat sendiri, KPPIM

mengangkat tema **Globaly Renowned, Locally Rooted** secara menyeluruh. Dengan itu, institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara telah mula membuat **penandaarasan** di KPPIM. Selain diiktiraf sebagai *Premier Digital Tech Institution* (PDTI) oleh MDEC, KPPIM terus unggul mendapat **penghargaan** dan **pengiktirafan** dalam dan luar negara.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada 2024, bagi meletakkan KPPIM sebagai sebuah **kolej yang unggul** dan terkemuka di dunia dalam bidang Sains Pengkomputeran, Sains Matematik serta Sains Maklumat, pensejajaran kepada agenda Perancangan Strategik KPPIM 2023 – 2025 telah dibuat. Pensejajaran ini bertujuan untuk meneliti semula **perancangan** program dan memastikan KPPIM dapat menyokong agenda transformasi UiTM 2025. Dalam Perancangan Strategik KPPIM 2024 - 2025, peneraju KPPIM yang mantap telah menzahirkan 5 teras strategik iaitu Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Inovasi, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni dan Pengurusan. Hal Ehwal Pelajar telah dipertanggungjawabkan untuk meneraju 3 projek utama iaitu **Gemp4K**, **Worldwide International Student Engagement (WISE)** dan **Grow Your Entrepreneurial Skills (G-YES)** yang merupakan idea asli dan inovatif KPPIM. Bagi memastikan projek yang dirancang turut mendokong hasrat UiTM, projek tersebut turut dipetakan kepada PI UiTM (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.1).

3 projek utama **inovasi** HEP dibentuk bagi mendokong **Falsafah Pembangunan Mahasiswa HEP KPPIM** dengan tema *Sought After and Self Sustained*. Tema ini meliputi kemenjadian pelajar yang dinilai melalui CGPA dan mempunyai bakat kepimpinan, keusahawanan, khidmat masyarakat, kesenian, inovasi, sukan, dan global. Elemen ini selari dengan objektif HEP dalam pembangunan pelajar dari segi **Jasmani, Emosi, Rohani, Sosial dan Intelek**. Kesemua aspek ini ditunjangi oleh akhlak yang tinggi (iDART) dan patriotism. **Model i-HEP** telah direka bagi menunjukkan integrasi dan **inklusiviti** di antara 3 projek utama, PI UiTM dan Falsafah Pembangunan Mahasiswa. KPPIM **melaksanakan** kesemua program dan projek atas sokongan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP) yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC) (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.2).

Pemantauan terhadap bidang tumpuan dilaksanakan secara sistematik dan teratur dengan melihat kepada keseluruhan persepektif termasuk pencapaian PI, maklumbalas dan aduan pemegangtaruh, kepatuhan terhadap gerak kerja dan tatacara, penyampaian kepada pelajar dan prestasi staf. Bagi pencapaian PI, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (MJE) menyediakan agenda khas setiap suku tahun bagi melihat pencapaian bidang tumpuan selari dengan sasaran. Aplikasi **Skor Simulator** dan **SMARTHEP** digunakan sebagai platform untuk memantau prestasi PI. **Komunikasi** dua hala di antara KPPIM terutama di antara HEP dan pelajar sentiasa dibuka dari pelbagai talian bagi memastikan sebarang isu berbangkit terhadap pelaksanaan bidang tujahan ini mendapat perhatian yang wajar. Bagi memastikan kepatuhan dan pembudayaan **integriti**, projek akan dibentangkan di peringkat MJE KPPIM. Bagi memantau penyampaian projek kepada pelajar, KPPIM menggunakan model **Winner's Journey WTEC** yang menekankan aktiviti berkempen dan penerangan, bimbingan, pemantauan dan motivasi. Prestasi staf pula dipantau setiap bulan dan penghargaan diberi melalui Anugerah **Star of The Month**. Pada tahun 2024, seramai 5 wakil dari HEP telah diberi penghargaan tersebut (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.3).

Amalan budaya **penambahbaikan berterusan** dibincangkan melalui mesyuarat seperti MJE dan JPAP. Arahan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan menunjukkan pendekatan yang reaktif dan responsif. Tindakan ini turut menunjukkan **kebertanggungjawaban/accounability** semua pihak yang terlibat. Hasil pemantauan dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.4). Aktiviti audit turut berlaku bertujuan pengekal standard dan pengukuhan kualiti (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.5). Kesimpulannya, kepimpinan KPPIM amat **komited** bagi memastikan setiap proses PDCA dibuat dengan

sistematik, dinamik dan responsif.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_K01_KB02_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB02_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB02_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB02_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB02_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dengan berpegang kepada ***Sought After and Self Sustained Talent Model*** dan **Model i-HEP**, satu rangka kerja pemetaan program, projek dan hasil kepada model pelajar KPPIM dibentuk. Pemetaan ini jelas menunjukkan inisiatif yang dijalankan di bawah 3 projek utama iaitu **Gemp4K, WISE dan G-YES**. Teras hasil HEP iaitu akademik, kepimpinan dan pengurusan turut menekankan kebajikan pelajar dengan aktiviti seperti **Program Kongsi Rezeki, ZAWAF dan OKU**. KPPIM umumnya dan HEP KPPIM khasnya sangat komited bagi memastikan segala program yang telah dirancang dapat dijalankan dengan jaya. Sehubungan dengan itu, setiap program perlu **dilaksanakan** mengikut **tadbir urus yang tepat**. Ianya dimulakan pemetaan dan penugasan program kepada pengarah projek. Berdasarkan Carta Fungsi HEP KPPIM, terdapat 3 Ketua dan 2 Koordinator yang disokong oleh 3 staf pentadbiran. HEP KPPIM juga mempunyai 27 kelab/persatuan yang aktif yang diterajui oleh Penasihat Kelab yang telah dilantik oleh PNC KPPIM. Program dan PI HEP dikongsikan kepada semua warga terutama Penasihat Kelab bagi memastikan **kebertanggungjawaban/accountability** mereka untuk menjayakan projek-projek tersebut (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.1).

KPPIM mengamalkan **tatacara permohonan** di dalam setiap proses **pelaksanaan** aktiviti mengikut prosedur operasi yang telah diluluskan di dalam MKSP. Walaupun banyak aktiviti yang dijalankan di KPPIM, bagi menunjukkan kesinambungan proses dan tatacara permohonan, bahagian ini akan menumpukan kepada satu contoh proses lengkap inisiatif di bawah OKU iaitu ***Eco-Run for Inclusion 2024***. Ianya dimulakan dengan penghasilan kertas kerja permohonan menjalankan aktiviti dan kelulusan akan diputuskan di JPAP. HEP KPPIM telah mengeluarkan garis panduan penghantaran kertas kerja ke JPAP yang lengkap dengan garis masa, dokumen sokongan dan kaedah penghantaran. JPAP akan menjalankan mengikut takwim yang ditetapkan. Kertas kerja yang telah dibawa akan dibentangkan dan diluluskan. Sekiranya didapati kertas kerja tidak lengkap atau ada maklumat yang tidak jelas, aktiviti akan ditangguhkan. Setelah kelulusan untuk menjalankan program diperolehi, Pengarah Program akan menerima sesalinan keputusan Mesyuarat JPAP. Bagi program yang **berisiko** seperti yang melibatkan perjalanan pelajar ke luar negara, satu lagi tambahan proses diperlukan iaitu borang daftar risiko awal yang akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor HEP (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.2).

Setelah kelulusan diperolehi, aktiviti tersebut akan **dilaksanakan**. Seperti yang dimaklumkan di dalam surat kelulusan, aktiviti pelajar yang telah diluluskan perlu **dihebahkan**. Hebahan aktiviti sebelum, semasa dan selepas dibuat melalui pelbagai medium seperti media, UiTM News Hub dan hebahan Social Media (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.3).

Setelah aktiviti selesai, **laporan pencapaian dan ketampakan** dibuat. Pengarah program perlu mengisi borang Pelaporan Pengendalian Aktiviti dan melaporkan impak aktiviti. Aktiviti ***Eco-run for Inclusion 2024*** contohnya telah mengumpulkan 20 pelajar KPPIM sebagai **sukarelawan** selain mengenengahkan nama KPPIM sebagai satu kolej yang mendokong **penglibatan/inklusiviti** OKU dari segi penyelidikan dan sumbangan yang pelbagai. Ianya merupakan satu usaha bagi **memperkasakan/empower** KPPIM supaya kekal relevan hasil pengiktirafan yang pernah diberikan oleh *The National Autism Society Malaysia (NASOM)* pada penghujung 2023 (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.4). Pelbagai lagi aktiviti yang telah dilaksanakan dengan jaya sehingga membawa kepada kolaborasi KPPIM dan pelbagai organisasi lain. Ini menunjukkan komitmen KPPIM dalam **memperkasakan** akademik, kepimpinan dan pengurusan pelajar KPPIM (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_K01_KB03_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB03_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB03_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB03_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB03_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sebagai sebuah kolej yang **berprestasi**, perancangan dimulakan seawal tahun untuk melihat kembali prestasi kolej pada tahun sebelumnya. Dalam Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik yang telah diadakan pada 7-9 Februari 2024, KPPIM bermula dengan melihat kembali Prestasi PI pada 2023. Sesi diteruskan dengan pembahagian PI dan diakhiri dengan pembentangan perancangan strategik untuk 2024. Hasil dari bengkel ini, **e-book Pensejajaran Perancangan Strategik 2023 – 2024** telah dihasilkan yang turut mengandungi 3 inisiatif utama HEP iaitu **Gemp4K, WISE dan G-YES**. Bermula dari sini, sesi pembentangan PI dijalankan secara **berkala** di MKSP bagi memastikan prestasi KPPIM sentiasa berada di dalam keadaan yang terbaik (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.1). Hasil pemantauan berterusan ini, **lonjakan** PI dilihat **melonjak** dari 35.4% pada Q1 ke 100% pada Q3. Pemantauan PI turut dibuat melalui sistem SMARTHEP dan sistem Simulasi i-Skor HEP (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.2).

Selain pemantauan PI, KPPIM turut memantau penganjuran aktiviti pelajar. Pemantauan aktiviti pelajar sangat penting bagi memastikan aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan kepada **tatacara** yang tepat dan pelaksanaan yang membawa **impak** kepada pelajar dan pemegangtaruh. Mesyuarat JPAP contohnya akan **meneliti** permohonan dan membuat keputusan samada aktiviti boleh diteruskan atau ditangguhkan bagi memastikan pelaksanaannya kelak akan menjadi lebih lancar. Contoh disertakan menunjukkan aktiviti yang dimohon ditangguhkan bagi memberi ruang kepada penganjur untuk memastikan sumber kewangan kepada aktiviti tersebut. HEP KPPIM turut menyediakan Borang Permohonan Pindaan Aktiviti Pelajar bagi aktiviti yang ditangguhkan untuk tujuan rekod (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.3).

Bagi pemantauan pengurusan pelajar, HEP menggunakan model **WTEC**. Pelaksanaan WTEC menekankan pengurusan pelajar melalui 4 peringkat iaitu **hebahan** (*wonderer*), **bimbingan** (*tourist*), **memantau** (*explorer*) dan **motivasi** (*conquerer*) (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.4). Selain itu, KPPIM sangat menekankan dan mengambil berat **maklumbalas** pelajar. Perkara ini dapat dilihat dari segi pemantauan pengurusan pelajar melalui aduan. Pelajar boleh membuat aduan melalui sistem **e-Care** HEP KPPIM, email HEP KPPIM dan e-aduan. Aduan akan dibentangkan di dalam MKSP dan ahli akan melihat permasalahan dan **keberkesanan** penyelesaian. Tidak ketinggalan, pelajar turut menghubungi HEP bagi berkongsi sebarang permasalahan (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.5). Kesemua ini dipantau bagi memastikan tindakan **intervensi** dapat dibuat sebelum sebarang permasalahan menjadi semakin parah.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_K01_KB04_KC01_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB04_KC01_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB04_KC01_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB04_KC01_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB04_KC01_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan KPPIM mewujudkan Jawatankuasa Pemilik Risiko yang bertindak untuk mengendalikan **risiko** dan **ancaman**. Pengurusan adalah berpandukan kepada Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01). Di KPPIM, risiko dapat diklasifikasikan sebagai **risiko diketahui (*known risk*)** dan **risiko diketahui-tidak diketahui (*known-unknown risk*)**. MJPR akan menguruskan risiko diketahui. Bagi setiap MJPR, penyelarasa Pemilik Risiko akan memulakan perbincangan dengan pembentangan **laporan daftar risiko**. Bukti disertakan menunjukkan risiko yang dikenalpasti oleh HEP. Risiko-risiko ini kemudiannya akan **dinilai keutamaannya** dan **langkah kawalan** akan dicadangkan. Pegawai bertanggungjawab akan turut dilantik untuk turut **memantau** risiko ini di masa hadapan. MJPR diteruskan dengan sebarang pendaftaran risiko baharu yang akan dibincangkan di mesyuarat yang seterusnya (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.1).

Berdasarkan data-data sebelumnya, terdapat kes-kes di mana pelajar akan menghubungi HEP dan menyatakan permasalahan mereka. Proses mengenalpasti risiko dimulakan dengan aduan dari pelajar dari pelbagai medium. Antara kes permasalahan yang pernah dilaporkan adalah kematian, kewangan, bencana dan kecemasan (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.2). HEP ambil maklum perkara ini akan berterusan di tahun mendatang, namun jenis permasalahan akan berbeza. Sehubungan itu, KPPIM turut mengurus klasifikasi risiko diketahui-tidak diketahui ini. Di dalam perancangan strategik, perkara ini telah turut dimasukkan sebagai program kebajikan pelajar. Setelah dipastikan kes adalah kes yang sah, proses kutipan sumbangan akan dimulakan. Bagi membantu pelajar-pelajar ini, HEP akan membuat hebahan berkaitan sumbangan. Di dalam setiap hebahan, maklumat yang akan disertakan adalah nama pelajar, kod program dan semester, penerangan kes dan link kepada *UiTM Pay*. Setiap kes akan diberi tempoh masa kutipan. Sehingga kini, tabung ini telah berjaya mengumpul lebih **RM100,000** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.3).

Kutipan yang telah dibuat akan disampaikan kepada mereka yang berkenaan. Dalam proses penyampaian ini, **delegasi** KPPIM akan diwakili oleh wakil HEP, pihak pengurusan, wakil pensyarah dan wakil pelajar akan turut serta bagi menunjukkan **kebersamaan** pihak-pihak KPPIM. Selain kes-kes yang dinyatakan, HEP KPPIM sentiasa turut bersedia untuk menyalurkan kebajikan dalam aktiviti yang lain termasuk Kongsi Rezeki, Kotak Rezeki dan sebagainya (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.4). Bagi memastikan elemen **integriti**, kesemua aktiviti ini akan dilaporkan di dalam ME. Bukti yang dilampirkan menunjukkan **KPPIM telah menguruskan 8 jenis kes dan telah membantu seramai 365 pelajar yang berkeperluan** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_K01_KB04_KC02_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB04_KC02_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB04_KC02_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB04_KC02_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB04_KC02_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

KPPIM membudayakan pemantauan berkala dan penambahbaikan berterusan. Dalam pencapaian PI contohnya, pemantauan berkala membolehkan PI KPPIM dicapai dengan cemerlang. Kaedah ini telah membuahkan hasil dengan **pengiktirafan** yang telah diberikan kepada KPPIM termasuk **Anugerah 6 Bintang PTJ bagi Pencapaian Kecemerlangan Prestasi Skor i-UiTM 92%** dan **Anugerah Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) Universiti** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.1).

Dalam aspek pembangunan pelajar, KPPIM menekankan **tadbir urus** yang berkesan bagi memastikan pelajar mencapai kualiti yang dikehendaki dan dalam masa yang sama mencapai PI yang ditetapkan iaitu **Graduate on Time (GOT), Anugerah Naib Canselor, inovasi dan Graduate Employability (GE)**. Perkara ini dibuktikan dengan penganugerahan Anugerah Pengurusan Dokumentasi Akreditasi Terbaik. Anugerah ini diberikan sementelah pengurusan dokumentasi yang disusun secara teratur sejak kewujudan KPPIM lagi. Lantikan Prof Adjunct dari syarikat gergasi turut membantu membentuk program akademik yang lebih **mampan** dan pelajar yang lebih **berketrampilan** tinggi. Naib Canselor UiTM yang berlatarbelakangkan Sains Pengkomputeran turut dijemput untuk membincangkan hala tuju dan masa depan program-program akademik di KPPIM. Hasilnya dapat dilihat dengan **peningkatan QS World University Rankings by Subject** bagi matapelajaran **Sains Komputer dan Sistem Maklumat** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.2).

Segala usaha yang telah dilakukan oleh KPPIM membuahkan hasil dan **pencapaian** yang boleh dibanggakan. Bagi pembangunan pelajar, pelajar KPPIM telah dianugerahkan **Anugerah Cemerlang Alumni UiTM**. Sepanjang 2024, pelajar turut sangat aktif terlibat di dalam program **inovasi** dan mendapat kejayaan yang cemerlang. Dari segi **pensijilan** pula, pada tahun 2024 sahaja, lebih 100 pelajar telah mendapat pensijilan professional dari syarikat ternama seperti **Google, Huawei, MS Power BI, CPRE dan CTFL** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.3).

Bagi hasil pembangunan kepimpinan pelajar, pelajar KPPIM telah turut serta dalam program di peringkat **antarabangsa**. Bukti menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti **servis komuniti** antarabangsa. Selain pendedahan kepada akademik, pertandingan dan inovasi, pelajar KPPIM turut didedahkan kepada aktiviti **kesenian** dan **kesukanan**. Bukti dilampirkan menunjukkan penyertaan pelajar KPPIM dalam **International Choir Festival 2024** dan **Sukan Institusi Pendidikan Tinggi** (Rujuk 1.4.3.4). KPPIM tidak meminggirkan pengurusan pelajar dengan memperkasakan kebajikan pelajar melalui aktiviti seperti kotak rezeki, zakat dan penglibatan OKU. KPPIM telah turut menerima **Anugerah Khas OKU UiTM** bagi kategori PTJ Prihatin. Bukti turut memaparkan Laporan Ketampakan Pelajar KPPIM yang telah dilaporkan di dalam ME (Bukti KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_K01_KB04_KC03_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB04_KC03_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB04_KC03_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB04_KC03_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB04_KC03_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

KPPIM baru sahaja dibentuk pada 2023. Dengan kekuatan sebanyak 52 program, KPPIM gagah menyelusuri 12 kampus serata Malaysia dan telah berjaya menghasilkan lebih 22,593 bilangan pelajar. Dengan tema **Iconic dan Impactful**, KPPIM masih kekal utuh atas **integrasi** dan **pembudayaan** elemen **kebersamaan**, **penambahbaikan berterusan** dan **penghargaan**.

Elemen **kebersamaan** KPPIM diterapkan kepada seluruh warga dan pelajar. Bagi kebersamaan kepimpinan dan staf, Mesyuarat KPPIM diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Platform ini telah digunakan oleh kepimpinan KPPIM umumnya dan HEP khususnya untuk **menyampaikan** maklumat-maklumat penting berkenaan aktiviti dan pencapaian pelajar kepada warga. Platform ini turut digunakan untuk **menyeru** warga KPPIM agar turut sama **menyumbang** dalam aktiviti pelajar. Elemen kebersamaan kepimpinan dan pelajar pula menyaksikan **libatsama** kesemua pensyarah dengan pelajar. **Hari Bersama Penasihat Akademik** dijadikan aktiviti berkala setiap awal semester bagi memastikan setiap pelajar dapat bersama dengan pensyarah. Tidak ketinggalan, elemen kebersamaan turut dilihat dengan kekerapan kepimpinan HEP **menyantuni** aktiviti-aktiviti bersama pelajar (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.1). Kepimpinan KPPIM tidak hanya tertumpu kepada Shah Alam. Dari semasa ke semasa, sesi pertemuan akan dibuat bersama **kampus cawangan** bagi memastikan setiap maklumat sampai kepada semua warga. Untuk penglibatan bersama, sebarang hasil audit dari KPPIM cawangan akan dikongsikan kepada semua lokasi penawaran yang terlibat supaya jalan **penyelesaian dapat dibincangkan bersama** (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.2).

Pembudayaan **penambahbaikan berterusan** dapat dilihat dari segi **proses dalaman dan penglibatan pihak luar**. Dalam proses dalaman, penambahbaikan sentiasa ditekankan di dalam semua aktiviti terutama yang melibatkan pelajar. Mesyuarat JPAJ yang diadakan setiap bulan akan **meneliti** setiap program dan aktiviti yang akan dijalankan oleh pelajar. Sebarang penambahbaikan akan diusulkan supaya menjamin aktiviti yang dijalankan akan lebih lancar. ME yang turut diadakan setiap bulan berfungsi sebagai platform untuk mengesahkan aktiviti yang akan dijalankan dan juga sebagai platform untuk melihat kembali pelaporan aktiviti yang telah dijalankan. Sebarang permasalahan akan dibincangkan sebagai elemen penambahbaikan. MJPR diadakan tiga kali setahun dan digunakan untuk membincangkan **risiko** terutama yang melibatkan pelajar. Setiap risiko yang dibentangkan akan dinilai semula **implikasi** mereka bagi memastikan daftar risiko adalah sentiasa terkini. MKSP diadakan 2 kali pada tahun 2024 bagi menilai semula sebarang penambahbaikan kepada operasi. 2024 telah melihat kepada penghasilan prosedur operasi untuk HEP bagi membantu **melancarkan** urusan. Tidak ketinggalan, Audit Dalam dibuat bagi memastikan prestasi HEP KPPIM sentiasa ditambah baik (Rujuk 1.5.3). Tidak hanya menumpukan kepada pencapaian dalaman, KPPIM turut meluaskan langkah ke peringkat luar UiTM bagi tujuan **penandaarasan**. Program Sains Matematik telah merantau ke Universitas Riau, Indonesia bagi penandaarasan program bidang matematik dan statistik. Tidak kurang hebat apabila di peringkat kebangsaan, Program Sains Pengkomputeran telah ditanda aras oleh Universiti Teknologi Petronas bagi perjalanan **program 2u1i** (Rujuk 1.5.4).

KPPIM sentiasa **meraikan** usaha pelajar dan staf melalui **penghargaan**. Kepada pelajar yang cemerlang, mereka diraikan melalui **Majlis Anugerah Dekan** yang diadakan setiap semester bagi. Majlis merupakan penghargaan dari KPPIM dan diharap menjadi **motivasi** kepada pelajar lain. Bagi staf pula, selain diraikan setiap bulan melalui **Star of the Month, Anugerah Akademik Universiti (AAU)** turut diadakan di peringkat Kolej. Segala usaha keras ini turut mendapat pengiktirafan daripada MDEC apabila KPPIM berjaya disenaraikan sebagai **Premier Digital Tech Institution (PDTI)** dari 2023 sehingga 2025 (Rujuk KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_K01_KB05_20251_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.1.pdf](#)
2. [B0085_K01_KB05_20252_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.2.pdf](#)
3. [B0085_K01_KB05_20253_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.3.pdf](#)
4. [B0085_K01_KB05_20254_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.4.pdf](#)
5. [B0085_K01_KB05_20255_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik merupakan kaedah utama yang digunakan oleh KPPIM untuk mencapai objektif dan inisiatif yang dirancang oleh UiTM. Petunjuk prestasi yang diturunkan kepada KPPIM melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dipetakan kepada *Sustainable Development Goals (SDG)*, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dan Teras Strategik Utama Malaysia Madani agar pencapaian KPPIM seiring dengan kehendak universiti, serta sejajar dengan keperluan negara global.

KPPIM mengambil **pendekatan proaktif** mengatur strategi bagi merealisasikan UiTM2025 dengan merangka **Pelan Strategik KPPIM 2024** bertemakan ***Iconic and Impactful***. Antara lain, pelan ini turut merangkumi **tiga (3) bidang tumpuan (BT)**; **i) Kepimpinan, ii) Pengurusan dan Pembangunan, dan iii) Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar**. KPPIM telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS) yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan setiap bidang tumpuan. Tiga belas (13) inisiatif utama di bawah **Pelan Tindakan Strategik (SAP) KPPIM** telah diperincikan dengan objektif serta dipetakan kepada **Inisiatif Utama UiTM2025**, dimana; dua (2) inisiatif utama di bawah SAP KPPIM dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), **tiga (3) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)**, dua (2) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Penyelidikan dan Inovasi (P&I), dua (2) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dan dua (2) dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pentadbiran KPPIM. Kesemua inisiatif ini diterajui oleh staf berpengalaman, manakala ahli projeknya pula terdiri daripada pelbagai peringkat staf akademik dan pentadbiran.

Kaedah **pelaksanaan** menggunakan pendekatan ***top-down approach*** dimana **petunjuk prestasi (PI)** disalurkan oleh BTU kepada KPPIM. Terdapat **10 sasaran PI** yang perlu dicapai. **Tiga (3) inisiatif utama di bawah SAP** yang dilaksanakan oleh Pejabat HEP adalah **Gemp4K, WISE (*Worldwide International Student Engagement*)**, dan **G-YES (*Grow Your Entrepreneurial Skills*)**. Dari inisiatif utama tersebut **tujuh (7) program utama** iaitu **KPPIM Wall of Fame, Pensijilan Profesional – 1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S), Mobiliti Pelajar, SULAM, e-Sports, Hari Keusahawanan** dan **Kongsi Rezeki** dilaksanakan bagi mencapai 10 sasaran PI.

Pemantauan pelaksanaan setiap inisiatif dan program dijalankan secara berkala setiap bulan. Kitaran pemantauan bermula dengan pengumpulan maklumat melalui beberapa sistem maklumat termasuk SmarHEP. Seterusnya, pelaporan terperinci dihantar ke BTU melalui sistem atas talian UePMO dan UiSMS dikemaskini juga di dalam pangkalan data JKPS. Dalam masa yang sama, pembentangan pencapaian bulanan dijalankan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej (MJEK) dan seterusnya tindakan penambahbaikan dijalankan di setiap bahagian yang bertanggungjawab. Kitaran ini akan berulang setiap bulan.

Penglibatan dan maklumbalas dari setiap warga KPPIM yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar memungkinkan kejayaan dan **tindakan penambahbaikan** pelaksanaan aktiviti-aktiviti dari projek-projek yang telah dirancang. KPPIM juga menyediakan pelbagai platform atas talian bagi menghebahkan aktiviti yang telah dirancang dengan tujuan mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan seperti InstagramKPPIM, AduanICT, AduanFasiliti, Laman Web KPPIM, UiTMNews Hub, KPPIM Strategic Sites serta Whatsapp KPPIM.

Pencapaian sasaran KPPIM pada tahun 2024 amat membanggakan dalam mana KPPIM berjaya mencapai ENAM BINTANG dengan skor i-UiTM sebanyak 92% dengan ranking ke-5 keseluruhan. Tiga (3) inisiatif utama berjaya mencapai 100% sasaran yang telah ditetapkan. HEP KPPIM juga menerima Anugerah Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) Universiti di Meeting

of Student Affairs Administrator 2024.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan KPPIM dalam **menyokong** Pelan Perancangan Strategik yang bertemakan **Iconic and Impactful** telah berjaya memperkenalkan KPPIM di mata dunia sejajar dengan mencapai matlamat Universiti Terkemuka Dunia 2025.

Asas pembentukan Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2024 adalah berdasarkan Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025 (GRU2025) yang telah dilancarkan pada tahun 2020. Untuk penyediaan Pelan Perancangan Strategik ini, beberapa proses berikut telah dilaksanakan:

1. Perbincangan Pengurusan Eksekutif Kolej;
2. Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Strategik Kolej;
3. Penganjuran beberapa siri bengkel perancangan strategik;
4. Analisis keadaan semasa serta pencapaian tahun sebelum;
5. Pembentukan projek-projek strategik dan penyediaan dokumen berdasarkan 3 teras strategik dalam Pelan Strategik UiTM2025 (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global & Prestasi Berorientasikan Nilai).
6. Mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi oleh setiap projek;

Untuk menghasilkan Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2024, beberapa siri perbincangan telah diadakan seperti berikut:

1. Bengkel Kaji Semula Strategic Action Plan (SAP) 2023, KPPIM: 19 Januari 2024
2. Bengkel Strategi Lonjakan, KPPIM: 7 – 9 Februari 2024
(KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.1)

Hasil perbincangan dari bengkel-bengkel di atas, **model i-HEP KPPIM** diwujudkan di mana **model ini menggabungkan PI, SAP, bidang tumpuan dan model pelajar KPPIM** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.2) dan **e-Book Hasil Pensejajaran Perancangan Strategik KPPIM 2024** dan **Pelan Tindakan Strategik (SAP) KPPIM 2024** terhasil (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.3).

Peserta yang terlibat dalam menghasilkan Perancangan Strategik KPPIM terdiri daripada ahli Pengurusan Eksekutif Kolej, semua Ketua Pusat Pengajian, seorang Profesor Kolej, dan juga beberapa orang pensyarah kanan dan pensyarah baharu serta staf pentadbiran. Ini menunjukkan bahawa perancangan strategik telah mengambil kira penglibatan dan maklum balas daripada staf pelbagai peringkat di kolej iaitu pihak pengurusan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Selaras dengan pembentukan Pelan Perancangan Strategik 2024, KPPIM telah **menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik** dengan tujuan memastikan pelan strategik yang dirancang dapat dijalankan dengan sistematik dan teratur. Jawatankuasa ini dinaungi oleh PNC dan Pengurusan Eksekutif, diketuai oleh Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU). Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada pengurus projek yang bertanggungjawab membantu menyediakan Pelan Tindakan Strategik (SAP) bagi melaksanakan objektif dan inisiatif strategik KPPIM.

Melalui tiga (3) inisiatif utama yang dipertanggungjawabkan kepada HEP dan tujuh (7) program utama, **pengukuran bidang tumpuan** di KPPIM adalah berdasarkan:

1. Hasil Pencapaian PI HEP bagi tahun 2024 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.4).

2. Perbandingan PI dalam Bidang Tumpuan pada tahun 2022, 2023 dan 2024 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_P01_PB02_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.1.pdf](#)
2. [B0085_P01_PB02_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB02_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB02_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB02_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Umumnya, kesemua projek yang dibangunkan untuk **meningkatkan kenampakan (*visibility*) KPPIM** di peringkat global, yang mana UiTM bertindak sebagai penggerak melalui jaringan kolaborasi antarabangsa yang strategik dan praktikal.

Secara khususnya, daripada **tiga (3) inisiatif utama di bawah Pelan Tindakan Strategik (SAP)** yang dipertanggungjawab kepada Pejabat HEP telah dikenal pasti dalam **menggerakkan** bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar iaitu inisiatif **GemP4K, WISE (*Worldwide International Student Engagement*), dan G-YES (*Grow Your Entrepreneurial Skills*)**. Bersama inisiatif-inisiatif ini terdapat tujuh (7) program utama KPPIM melalui HEP iaitu **KPPIM Wall of Fame, Pensijilan Profesional (1P1S), Mobiliti Pelajar, SULAM, e-Sports, Hari Keusahawanan dan Kongsi Rezeki** yang mensasarkan **10 sasaran PI** yang perlu dicapai oleh KPPIM yang ditentukan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

a. **Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2024 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.1).**

Terdapat Pengurus Projek yang dilantik bagi memantau dan melaksanakan projek dan aktiviti yang dibangunkan di dalam *Strategic Action Plan* (SAP). Bagi projek di bawah Pejabat HEP, terdapat seorang (1) Pengarah Projek dan tiga (3) orang Pengurus Projek.

Setiap maklumat projek di bawah bidang tumpuan telah didaftarkan di dalam sistem UiSMS. Sistem UiSMS merupakan sistem pengurusan data pencapaian yang mana dapat diakses oleh ketua PTJ iaitu Penolong Naib Canselor (PNC), Pengarah Projek, Pengurus Projek dan Penyelaras Strategi Tranformasi Universiti (PSTU). PNC akan dapat melihat kemajuan setiap projek dan aktiviti, Pengarah dan Pengurus Projek dapat mengemaskini kemajuan projek dan aktiviti yang ditugaskan. Dengan adanya sistem UiSMS, ia menjadi alat pemantauan oleh PSTU dan BTU sendiri.

1. **UiTM Strategic Management System (UiSMS) (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.2).**

Proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan Perancangan Strategik di kalangan warga KPPIM terutama bidang tumpuan dibuat secara **teratur dan efisien**. Laporan pencapaian disampaikan melalui Mesyuarat KPPIM di mana semua warga KPPIM diwajibkan hadir. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.3) dan seterusnya warga KPPIM dapat merujuk maklumat berkaitan Strategic Action Plan dan pencapaian PI melalui laman web *KPPIM Strategic Site 2024* (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.4).

Pemantauan program/aktiviti bidang tumpuan dilaksanakan menggunakan Dashboard BTU (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_P01_PB03_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.1.pdf](#)
2. [B0085_P01_PB03_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB03_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB03_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB03_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Secara umumnya, KPPIM menjalankan sistem **pemantauan mengikut garis masa** yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) seperti yang ditunjukkan dalam carta alir (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.1). Secara khususnya, KPPIM mempunyai pelan pemantauan yang dijalankan secara **sistemik**, dengan kerjasama pengurusan eksekutif Kolej, Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) dan juga Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS). Proses pemantauan yang dilaksanakan secara bulanan di KPPIM berlangsung seperti berikut:

1. Kemaskini data di dalam Simulator Skor i-UiTM

Pada setiap hujung bulan, pengurus projek melaporkan kesemua aktiviti yang telah dilaksanakan pada bulan tersebut kepada JKPS melalui Simulator Skor i-UiTM menggunakan *Google Sheet* (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.2). Laporan yang dikumpul meliputi maklumat pencapaian PI semasa pada bulan tersebut. Ini bagi memastikan PSTU dapat membuat simulasi pencapaian semasa sebelum data pencapaian sebenar dikeluarkan oleh BTU. Melalui data simulasi ini, jangkaan pencapaian dapat dibuat. Selepas laporan pencapaian diterbitkan oleh BTU, perbandingan data antara simulator dan data sebenar dapat dibuat.

2. Pelaporan ke BTU

Kesemua pencapaian PI pada bulan tersebut dilaporkan oleh ketua-ketua projek ke dalam sistem-sistem mengikut Peneraju. Contohnya data HEP akan dimasukkan ke dalam SmartHEP bagi memastikan semua maklumat dan data tersebut dapat disemak oleh Peneraju.

Pemilik sasaran menjalankan semakan kepada semua data yang dilaporkan. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak tepat, PSTU bertanggungjawab menjalankan verifikasi bersama pengurus projek.

Pencapaian bulanan yang telah disemak akan disahkan oleh PNC KPPIM sebelum dimasukkan semula ke dalam sistem UePMO (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.3).

Analisa pencapaian bulanan dapat dilihat melalui Dashboard PowerBI yang disediakan oleh BTU (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.4).

3. Pelaporan ke Mesyuarat Eksekutif (ME)

PSTU menjalankan analisa pencapaian bulanan lalu menyediakan laporan untuk pengurusan eksekutif KPPIM. Pencapaian sasaran bulanan dibentangkan di dalam Mesyuarat Eksekutif, bagi memastikan proses pemantauan oleh pengurusan eksekutif KPPIM.

4. Penambahbaikan melalui Perjumpaan PNC bersama Pengarah dan Pengurus Projek

Perjumpaan bersama PNC dan semua Ketua Projek serta Pengurus Projek diadakan bagi melihatkan penambahbaikan yang boleh dibuat. Perjumpaan ini dilakukan selepas Laporan pencapaian dikeluarkan setiap bulan. Penambahbaikan dijalankan oleh setiap bahagian bagi memastikan pencapaian sasaran. Laporan suku tahunan oleh BTU juga akan dianalisa bagi memastikan setiap PI dicapai (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.5). Peratusan kemajuan projek juga dipantau melalui sistem UiSMS.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_P01_PB04_PC01_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.1.pdf](#)

2. [B0085_P01_PB04_PC01_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB04_PC01_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB04_PC01_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB04_PC01_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) KPPIM diwujudkan bagi mengendalikan risiko dan ancaman. Risiko yang dikenalpasti untuk 3 inisiatif utama iaitu inisiatif **GemP4K, WISE, dan G-YES** adalah merujuk kepada **Panduan Pengguna Modul Strategic Action Plan: Pengurusan Risiko Projek, Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01)**. Dokumen-dokumen membantu pengurusan eksekutif KPPIM dalam mengurus dan memantau risiko sesuatu projek yang dilaksanakan di bawah pelan strategik UiTM 2025. Ia juga memudahkan pihak KPPIM merekod dan mengemaskini daftar risiko dan pelan mitigasi setiap projek. Selain itu, pemantauan status dan tahap risiko projek boleh dilakukan oleh pihak PTJ bagi tujuan analisis dan pelaporan serta menjadi rujukan bagi daftar risiko projek (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.1).

Melalui panduan tersebut, risiko bagi projek-projek tersebut telah dikenalpasti dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.2).

Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada KPPIM dan empat kategori impak risiko telah dikenal pasti iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat.

Risiko pelaksanaan projek merangkumi **kertas kerja tidak lengkap, tidak melalui proses yang betul, kegagalan mencapai penajaan, kegagalan mencapai jumlah pelajar yang mendaftar dan perubahan tarikh program**. Langkah mitigasi diambil oleh Pejabat HEP dengan menyediakan senarai **semak permohonan program/aktiviti, prosedur operasi dan pengurusan pejabat HEP, Tabung JPAP, borang perubahan tarikh dan Mesyuarat Pre-JPAP** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.3)

Risiko kewangan melibatkan **kelewatan dana diterima dan boleh menjejaskan pelaksanaan program/aktiviti**. KPPIM telah mengambil langkah proaktif dengan memberi dana pendahuluan kepada kedudukan kewangan semasa kolej dan tahap keperluan bagi program/aktiviti (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4). Risiko pengurusan maklumat melibatkan pengurusan data yang tidak sistematik menyebabkan kurang pelaporan dalam laporan petunjuk prestasi. Pelan mitigasi dipraktikkan dengan pemantauan yang lebih teliti dalam melaporkan pengurusan projek dan data di dalam aplikasi Simulator Skor i-UiTM dan HEP Google Sites dan KPPIM Strategic Sites sebagai strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Aplikasi Simulator yang memaparkan peratusan dan skor HEP ini dipantau oleh PSTU KPPIM secara berterusan. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4)

Pengurusan risiko KPPIM mengikut pengkelasan empat (4) tahap iaitu **Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.5). Pengkelasan ini ditentukan berdasarkan kemungkinan kejadian yang tidak diingini dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi. Pelan mitigasi turut dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh dalam menangani risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_P01_PB04_PC02_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_P01_PB04_PC02_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB04_PC02_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB04_PC02_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB04_PC02_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan perancangan strategik dilaksanakan setiap bulan dengan mengambil kira setiap maklumat yang dilaporkan oleh pengurus projek. **Simulator Skor i-UiTM** yang dibina oleh JKPS sangat membantu proses membuat unjuran dan menganalisa pencapaian PI yang dijalankan setiap bulan. Simulator ini dibuat menggunakan Microsoft Excel dan diakses sebagai *Google Sheet*, dapat menjana maklumat pencapaian semasa yang diperlukan untuk dibentangkan.

Pembentangan Analisa Pencapaian PI di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

1. Setiap pembentangan oleh PSTU dalam MKSP, menitikberatkan pencapaian PI semasa merangkumi perkara berikut:

Analisa pencapaian keseluruhan KPPIM, juga mengambilkira tren pencapaian bulanan. Analisa pencapaian mengikut bahagian dan projek, serta mengenalpasti PI yang belum tercapai dan pelan mitigasi sekiranya berisiko.

Simulasi pencapaian PI dapat mengenalpasti kebolehan dan kekuatan KPPIM terutama dalam bidang tumpuan Akademik dan Pengurusan & Pembangunan Pelajar. Pembentangan pencapaian PI semasa adalah berkala sepanjang tahun.

Slaid Pembentangan PSTU disediakan setiap kali laporan dibentangkan (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.1).

2. Perkongsian analisa tersebut memberi peluang kepada semua pengurusan eksekutif KPPIM untuk menyampaikan hasil pencapaian kepada para pensyarah mengikut bidang, bagi memastikan ia sampai kepada seluruh warga KPPIM. Pencapaian setiap projek dibentangkan untuk mengenalpasti kemajuan dan kemampuan KPPIM untuk mencapai sasaran. Bagi memastikan tindakan penambahbaikan dijalankan, pembentangan tersebut diminitkan.

3. Pembentangan setiap ketua projek menekankan perkara yang berikut:

- Progres pencapaian PI
- Aktiviti yang dijalankan
- Masalah yang dihadapi

Perjumpaan PNC KPPIM bersama Pengarah Projek semasa Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan diadakan mengikut keperluan (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.2). Perkongsian dengan warga KPPIM diadakan bagi mewartakan Pencapaian Cemerlang (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.3)

Pengurusan data secara sistematik melalui **Simulator Skor i-UiTM** membantu mengurangkan isu kurang pelaporan (under reporting) dan setiap unit bertanggungjawab ke atas pencapaian unit masing-masing serta pencapaian prestasi KPPIM secara keseluruhan. **Data yang dilaporkan dalam Simulator Skor i-UiTM akan dibandingkan dengan data pencapaian dari pihak BTU** bagi membuat pembetulan data sebelum laporan akhir dikeluarkan. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.4)

Selain itu, pemantauan pelaksanaan projek dalam sistem UiSMS turut menjadi sistem sokongan kepada simulator ini untuk memastikan projek yang dirancang berjalan dengan lancar. Pelaksanaan projek dipantau dari segi **peratus pelaksanaan** dalam sistem oleh ketua projek masing-masing secara berterusan dan analisis dilakukan dalam memastikan projek berjalan seperti yang telah dirancang dan tindakan penambahbaikan dikenal pasti jika perlu. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_P01_PB04_PC03_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.1.pdf](#)

2. [B0085_P01_PB04_PC03_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB04_PC03_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB04_PC03_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB04_PC03_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

KPPIM mengamalkan budaya penambahbaikan secara berterusan di mana wujudnya pelbagai proses penambahbaikan perancangan strategik untuk bidang tumpuan yang dipilih. Pemantauan dan penambahbaikan operasi KPPIM dilaksanakan melalui Unit Pengurusan.

Kualiti dan Strategi secara amnya dan secara khusus untuk bidang tumpuan di bawah HEP. **Di KPPIM terdapat empat (4) fungsi di bawah Unit Kualiti dan Strategi, iaitu sistem audit akreditasi, sistem dokumentasi akreditasi, sistem perancangan strategik dan sistem pengurusan risiko.** Setiap sistem ini mempunyai peranan yang penting dalam memastikan budaya kecemerlangan di KPPIM (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.1).

Pemantauan pelaksanaan dilakukan melalui dua (2) cara, iaitu **audit dalaman** dan **audit luaran**. Penambahbaikan pula dilaksanakan melalui dua (2) cara: berdasarkan penemuan audit yang memerlukan tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang dilaporkan dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**, serta pelaksanaan **Kecemerlangan Organisasi (OE)** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.2).

Pelaksanaan program dan aktiviti dipantau oleh ketua-ketua unit di bawah HEP, dengan pelaporan aktiviti disemak melalui dashboard pencapaian seperti **Simulator Skor i-UiTM, sistem UePMO dan sistem SmartHEP** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.3). Maklumat mengenai pelaksanaan program dibentangkan dalam mesyuarat dalaman yang diadakan secara berkala. Selain itu, bagi memastikan objektif dan inisiatif strategi dicapai, salah satu peranan kepimpinan adalah memastikan perancangan BTU dilaksanakan untuk penambahbaikan berterusan. Ini termasuklah semakan semula Perancangan Strategik yang diadakan pada setiap awal tahun yang diterajui oleh Pengurusan Eksekutif KPPIM. **Bengkel Kaji Semula Strategic Action Plan 2023** dan **Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik 2024** melibatkan kepimpinan kanan dan wakil staf dari pelbagai lapisan (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.4).

Semasa semakan pembentangan prestasi pencapaian HEP, penambahbaikan dan pembaharuan strategi dan inisiatif bagi menepati teras baharu UiTM dan diselaraskan dengan Amanat PNC, hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), hala tuju negara melalui Teras Strategik Utama Malaysia Madani dan *UN Sustainable Development Goals (SDG)* (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_P01_PB05_20251_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.1.pdf](#)
2. [B0085_P01_PB05_20252_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.2.pdf](#)
3. [B0085_P01_PB05_20253_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.3.pdf](#)
4. [B0085_P01_PB05_20254_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.4.pdf](#)
5. [B0085_P01_PB05_20255_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan utama bagi bidang tumpuan (BT) KPPIM dikenal pasti melalui pelbagai kaedah bagi memastikan hala tuju pencapaian indikator (PI) lebih bersasar serta selaras dengan keperluan pelanggan KPPIM. Pelanggan BT didefinisikan kepada **pelanggan misi, proses, dalaman serta luaran**, manakala pelanggan utama KPPIM dikenalpasti sebagai **pelajar KPPIM**. Berdasarkan carta organisasi struktur urus tadbir KPPIM, pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) adalah pemain utama dalam pengurusan dan pembangunan pelajar KPPIM.

KPPIM melalui Pejabat HEP sentiasa mengambil langkah proaktif dalam **merancang, melaksana, memantau, dan menambah baik** proses pengurusan dan pembangunan pelajar. **Perancangan** strategi pengurusan dan pembangunan pelajar berlandaskan **Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025** dan **Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2024 KPPIM** yang dibangunkan berdasarkan beberapa rujukan penting, dengan tumpuan kepada **kelestarian diri pelajar (self-sustained)**.

Hebahan SAP KPPIM kepada seluruh warga KPPIM dilaksanakan bagi memastikan perancangan proses dan aktiviti yang dijalankan selaras dengan BT serta menepati PI yang ditetapkan. Berdasarkan SAP KPPIM, perancangan pengurusan dan pembangunan pelajar dirangka secara lebih berkesan melalui **komunikasi terbuka dan dua hala** antara staf Pejabat HEP dan pelajar KPPIM. Pendekatan komunikasi ini turut memperkukuh **perancangan pengurusan kebajikan pelajar KPPIM** agar lebih sistematik dan pantas. Di samping itu, pelajar diberi **ruang serta peluang** untuk membentuk **pembelajaran berdasarkan pengalaman** berasaskan strategi model pelajar **WTEC (Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror)**.

Penstrukturan semula pejabat HEP KPPIM serta penambahan jawatan baharu dilaksanakan bagi memperkukuh **pelaksanaan** pengurusan dan pembangunan pelajar seperti yang digariskan dalam SAP KPPIM. Hasil daripada langkah ini, tiga (3) inisiatif utama telah diperkenalkan iaitu **Gemp4K, WISE, dan G-YES**.

Pelaksanaan tiga inisiatif utama ini **dipantau** rapi oleh pihak pengurusan KPPIM menerusi **mesyuarat secara berkala**, pemantauan oleh **penasihat kelab**, pemantauan sistematik menggunakan **sistem SmartHEP**, dan **maklum balas** berterusan oleh pelanggan utama KPPIM. Unit Kualiti KPPIM turut memainkan peranan dalam memastikan **pemantauan** dijalankan secara berkala melalui proses **audit dalaman dan luaran**. Inisiatif tindakan penambahbaikan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar adalah bukti tindakan cergas dan pantas telah diambil di peringkat pelaksana.

Lantikan dan penubuhan **Jawatankuasa Pemilik Risiko KPPIM** bertanggungjawab menyediakan daftar risiko, memantau langkah mitigasi serta menilai semula risiko secara berkala melalui mesyuarat. KPPIM mengutamakan pengurusan risiko melalui penambahbaikan berterusan, dengan penglibatan **Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)** bagi mengenal pasti dan mengawal potensi risiko serta mengelakkan kejadian berulang.

Kesimpulannya, dalam memastikan pencapaian keberhasilan bidang tumpuan (BT), KPPIM komited bagi memastikan setiap proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan dibuat secara sistematik dan efisien.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPPIM menerusi pejabat HEP telah mengenal pasti pendekatan terbaik dalam merancang dan menjalankan proses pengurusan dan pembangunan pelajar, selari dengan **visi dan misi UiTM** ke arah **Globally Renowned University (GRU) 2025**. Pendekatan ini memfokuskan kepada **kelestarian pelajar (Self-Sustained)** yang bertepatan dengan BT pengurusan dan pembangunan pelajar, berpandukan **nilai ESI dan i-Dart** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.1).

KPPIM menggunakan **Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025 (PPS 2025)** dan **Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2024** berlandaskan hala tuju dan garis panduan peringkat **antarabangsa, kebangsaan dan kementerian, iaitu 17 Sustainable Goal Development (SDG) oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, Industrial Revolution (IR) 4.0, Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dan Teras Strategik Utama Malaysia Madani** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.2).

Kriteria Tumpuan Kepada Pelanggan seperti diperincikan di **Model Graduan UiTM** turut dijadikan panduan untuk mengenal pasti kumpulan pelanggan utama yang berkepentingan dalam BT. Berdasarkan **Manual Kualiti KPPIM**, pelanggan didefinisikan sebagai Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Luar. Kumpulan pelanggan utama BT dikenal pasti sebagai Pelanggan Proses, iaitu **pelajar KPPIM** yang disokong sepenuhnya oleh sistem kualiti KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.2).

Pejabat HEP KPPIM melaksanakan pendekatan inovatif melalui **tiga (3)** inisiatif utama, iaitu **Gemp4K, WISE**, dan **G-YES** bagi memastikan pencapaian BT tercapai. Pejabat HEP KPPIM bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif tersebut, yang dapat dilihat keberhasilannya melalui perancangan projek berimpak seperti perancangan kursus akademik bersulamkan kemasyarakatan (**SULAM**), pensijilan profesional (**1P1S**), **mobiliti pelajar**, program keusahawanan (**Hari Keusahawanan**), dan kesukanan (**e-Sport**), yang dipetakan semula kepada perancangan inisiatif utama.

Perancangan berasaskan strategi baharu KPPIM bagi menyerlahkan ketampakan model **Winner's Journey WTEC (Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror)** dan model pelajar **Sought After and Self-Sustained Talent** ke arah melahirkan **Model Graduan UiTM** yang **seimbang dan holistik**, bertepatan tema pengurusan KPPIM **Iconic and Impactful** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.3).

Dalam usaha untuk memastikan pejabat HEP KPPIM dapat mencapai semua petunjuk prestasi PI, seluruh warga dan pemegang taruh dilibatkan secara langsung dalam perancangan aktiviti BT. **Komunikasi terbuka dan dua hala** diperkukuh melalui pembangunan sistem **e-aduan KPPIM** dan penggunaan pelbagai akaun media sosial di platform berbeza. Pendekatan ini membolehkan data dan maklum balas dikumpul secara sistematik, serta memastikan aduan pelanggan ditangani dengan segera. Inisiatif ini turut menyokong pemantauan pencapaian pelajar dan menyerlahkan kejayaan mereka melalui **KPPIM Wall of Fame** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.4).

Pejabat HEP KPPIM menitikberatkan kebajikan pelajar kelainan upaya (OKU) dan pelajar kurang berkemampuan (B40) melalui perancangan **menaiktaraf fasiliti** mengikut spesifikasi golongan kelainan upaya. Perkara ini dimitnkan di dalam **mesyuarat jawatankuasa eksekutif KPPIM** dengan kerjasama dari Unit Perkhidmatan OKU UiTM (UPO UiTM). Selain itu, inisiatif khas berkaitan **Permohonan Tambahan Masa Peperiksaan Akhir** untuk pelajar OKU di KPPIM dilaksanakan bagi memastikan peluang pembelajaran, dan peperiksaan yang adil serta inklusif.

Bagi pelajar kurang berkemampuan (B40), **Program Kongsi Rezeki** dilaksanakan melalui **Projek Kotak Rezeki** (bantuan makanan kering dan keperluan asas) serta **PitStop Food For**

YOU (juadan percuma). Inisiatif ini memastikan tiada pelajar berdepan kelaparan serta mencerminkan komitmen KPPIM terhadap suasana pembelajaran yang inklusif dan prihatin (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.5).

Fungsi sistem kualiti KPPIM menyokong keterlibatan dan kepimpinan HEP dalam menjaga kebajikan, kelestarian dan kesejahteraan pelajar berteraskan model **Sought After and Self-Sustained Talent** bagi menjayakan BT.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_T01_TB02_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB02_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB02_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB02_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB02_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pejabat HEP KPPIM merancang aktiviti berkonsepkan kesejahteraan dan kelestarian pelajar melalui pendekatan **self-sustainable**, dengan memberikan **ruang serta peluang** kepada pelajar untuk meneroka **pembelajaran berasaskan pengalaman**. Bagi menjayakan pencapaian BT, Pejabat HEP KPPIM melaksanakan tiga inisiatif utama iaitu **GemP4K, WISE, dan G-YES**, yang didukung oleh projek berimpak seperti **SULAM, pensijilan profesional (1P1S), mobiliti pelajar, e-Sport, dan Hari Keusahawanan**, yang diselaraskan semula dengan perancangan inisiatif utama (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.1).

Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Google Malaysia menyokong pelaksanaan projek melalui penawaran **lesen Freemium Scholarship Google Career Certificates** kepada 200 pelajar bagi pensijilan profesional dalam bidang teknologi maklumat, *artificial intelligence*, dan *cybersecurity*. Selain itu, syarikat antarabangsa seperti Huawei, SAS, CISCO, DNB, dan ERICSSON turut menyediakan peluang pensijilan profesional bagi melahirkan graduan yang mempunyai nilai tambah di mata industri. Pelantikan *person-in-charge* bagi setiap pensijilan sebagai pegawai yang bertanggungjawab menguruskan pelajar turut memastikan kelancaran proses dalam menjayakan BT (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.1).

KPPIM menekankan penglibatan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan sebagai usaha membentuk graduan **Sought After and Self-Sustained Talent** dengan ciri **WTEC**. Pelaksanaan aktiviti ini digerakkan oleh Pejabat HEP KPPIM melalui kerjasama dengan Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Pejabat Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) KPPIM, dengan melibatkan pelajar, pensyarah, serta komuniti setempat. Inisiatif ini dilaksanakan melalui **Service Learning Malaysia: University for Society (SULAM)** yang diintegrasikan ke dalam silibus subjek pilihan di KPPIM sebagai sebahagian daripada penilaian berterusan pelajar. Pada tahun 2024, aktiviti **SULAM** dijalankan bersama komuniti Kampung Budiman yang dikenali sebagai *Smart Village*.

Mobiliti pelajar diperkukuh melalui penyertaan dalam program pengantarabangsaan yang menjalin kerjasama erat dengan universiti, industri, dan institusi rakan kongsi. Antara program yang telah dilaksanakan ialah **[International Cross-Cultural & Humanitarian Programme \(ICCHP24\)](#)** serta **[UiTM Community Outreach Program: STEM in School di Bandar Lampung](#)** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.2).

Sepanjang tahun 2024, penglibatan pelajar dalam Projek e-Sport menunjukkan penyertaan yang sangat memberangsangkan melalui pelbagai program seperti **[Malaysia Data Innovation Talent X DOSM Datathon 2024](#)**, **[iHack 2024](#)**, **[UiTM x IBM Hackathon Bridgehack to Industry](#)**, dan **[Valorant Vortex: KPPIM Competition](#)** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.3).

Pejabat HEP KPPIM mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam pelaksanaan BT. Pelbagai platform atas talian diwujudkan, termasuk **e-aduan, e-care**, serta akaun rasmi di aplikasi sosial media popular seperti **Whatsapp, Email, Telegram dan Tiktok**, bagi memastikan penyampaian maklumat kepada pelanggan dilaksanakan secara **efektif dan pantas**. (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.3). Aduan serta maklum balas daripada warga KPPIM, khususnya yang berkaitan kebajikan pelajar, ditangani dengan segera. Selain itu, penambahbaikan fasiliti di KPPIM, khususnya bagi pelanggan OKU, turut dilaksanakan setelah menerima **kelulusan peruntukan dana** dari Unit Perkhidmatan OKU UiTM (UPO UiTM)(KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.4).

KPPIM mengamalkan sistem **komunikasi terbuka dan dua hala** berkonsepkan **“anytime, anywhere”** bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif. Melalui Sistem Kualiti KPPIM, struktur organisasi telah disusun semula dengan penubuhan jawatan baharu seperti Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar,

Koordinator Persatuan Pelajar, serta Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar. Seiring dengan aspirasi universiti untuk melahirkan pelajar cemerlang, Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar (KKP) bertanggungjawab berinteraksi dengan pelajar bagi mengenal pasti serta memenuhi keperluan latihan yang diperlukan untuk persediaan kerjaya (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_T01_TB03_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB03_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB03_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB03_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB03_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sistem pemantauan pencapaian perancangan strategik yang **sistematik, pelbagai dan efektif** diberi penekanan dalam memastikan pelaksanaan perancangan telah dijalankan. Pihak pengurusan KPPIM melalui pejabat HEP bertanggungjawab memastikan proses BT dipantau bagi mencapai **Performance Indicator (PI)**. **Pelan Tindakan Strategik (SAP) KPPIM** digunakan sebagai rujukan utama dalam pemantauan proses BT dalam mencapai matlamat prestasi (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.1).

Kaedah pemantauan pelaksanaan proses BT diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan KPPIM bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai hasil sasaran. Pemantauan dijalankan melalui sistem **SmartHEP** sebagai platform utama merekod, menjejak dan menilai program. **Penasihat kelab memantau aktiviti pelajar** bagi memastikan keberkesanan program, pematuhan garis panduan dan tahap penglibatan pelajar. Unit Kualiti KPPIM memainkan peranan dalam memastikan **pemantauan** dijalankan secara berkala melalui proses **audit dalaman dan luaran** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.2).

Setiap projek/aktiviti/program yang melibatkan pelajar perlu dipohon mengikut **prosedur** yang ditetapkan dan dibentangkan dalam **Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (Pra-JPAP)** serta **Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP)**. Pelaksanaan setiap projek/aktiviti/program dipantau bagi memastikan ia selaras dengan salah satu daripada **17 SDG Goals**. Selain itu, **hebahan perlu dilakukan sebelum, semasa, dan selepas** projek/aktiviti/program berlangsung, manakala maklum balas peserta serta **cadangan penambahbaikan** hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat JPAP (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.3)

KPPIM menerima **penghargaan daripada pihak UPO** atas usaha **memperkasa fasiliti OKU** serta keprihatinan terhadap kesejahteraan pelajar golongan kurang upaya. **Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KPPIM** memainkan peranan penting dalam memantau aduan dan maklum balas pelajar bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan dengan berkesan. Pencapaian dalam perancangan kemenjadian pelajar diukur melalui strategi **model Winner's Journey WTEC**, yang diadaptasi daripada **konsep zero to hero**, iaitu perjalanan seorang individu daripada tiada pengalaman sehingga menjadi juara. Bagi projek/aktiviti/program di peringkat kebangsaan serta antarabangsa, KPPIM mengangkat tema **Iconic and Impactful**, manakala **hashtag #KPPIMGoGlobal** digunakan khusus bagi program bertaraf antarabangsa seperti **CSR mobiliti** dan **student exchange** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.4).

Kaedah pemantauan keperluan pelajar dari segi **akademik** dilaksanakan melalui platform sedia ada UiTM seperti analisa **PROPENS, TEX** dan **SuFO** yang dibentangkan di **mesyuarat Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)**. Hasil daripada kaedah ini, pencapaian pelajar dapat dilihat melalui penerimaan **Anugerah Dekan** dan **Anugerah Naib Canselor**. Kejayaan pelajar turut dipamerkan di **KPPIM Wall of Fame** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_T01_TB04_TC01_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB04_TC01_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB04_TC01_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB04_TC01_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB04_TC01_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KPPIM mengaplikasikan strategi pengurusan risiko yang selaras dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM. Pejabat HEP KPPIM bertanggungjawab mengenal pasti risiko yang berpotensi menjejaskan pelaksanaan serta pencapaian PI bagi projek/aktiviti/program yang dirancang. Bagi tujuan ini, **Jawatankuasa Pemilik Risiko KPPIM** telah ditubuhkan dan diberi mandat untuk menyediakan daftar risiko, melaksanakan pengawasan, mengurus aktiviti berkaitan risiko, serta memantau langkah mitigasi oleh pemunya risiko. Pemantauan dan penilaian semula maklumat risiko yang relevan turut dilakukan secara berkala melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko** (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.1).

Bagi memastikan keberhasilan dan pencapaian objektif BT, **bengkel pelan tindakan strategik** telah dilaksanakan untuk menilai semula risiko yang berkaitan dengan inisiatif perancangan strategik, khususnya yang melibatkan BT. Setiap aspek pengurusan risiko strategik dibincangkan dan diteliti secara menyeluruh, merangkumi penetapan risiko, tahap risiko, serta strategi pengurangan risiko, sebelum didokumentasikan dalam **Laporan Sistem Pengurusan Risiko (eRMS)** bagi tahun 2024 (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.2).

Penilaian pencapaian pelajar diukur melalui model **Winner's Journey WTEC - Wanderer, Tourist, Explorer, dan Conqueror**, yang diadaptasi daripada konsep **zero to hero**, iaitu perjalanan seorang individu daripada tiada pengalaman sehingga menjadi juara. Risiko pelaksanaan aktiviti adalah jika pelajar gagal mencapai tahap WTEC yang ditetapkan, serta **model pelajar KPPIM Sought After and Self-Sustained Talent**. Jurang pencapaian pelajar direkod sebagai data risiko HEP KPPIM dan ditangani melalui aktiviti penambahbaikan untuk mencapai tahap WTEC. Maklum balas aktiviti direkod oleh HEP KPPIM dan dimititkan dalam mesyuarat JPAP secara berkala, manakala tindakan penambahbaikan dimaklumkan kepada KPPIM dan pelaksana aktiviti/projek/program. Pelaksana aktiviti/projek/program termasuk pelajar dan staf bertanggungjawab dalam penambahbaikan bagi aktiviti/projek/program seterusnya (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.3).

KPPIM mengutamakan aspek pengurusan risiko dengan **mengoptimumkan operasi dan fasiliti sedia ada**, melaksanakan penambahbaikan berterusan mengikut keperluan semasa. Dalam masa yang sama, **Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)** turut dilibatkan dalam proses ini, khususnya dalam cadangan berkaitan keselamatan. Pendekatan ini memastikan setiap potensi risiko dikenal pasti lebih awal, dikawal dengan berkesan, dan kejadian berulang dapat dielakkan (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.4).

Pejabat HEP KPPIM turut memberi perhatian terhadap kesejahteraan pelajar kurang upaya dengan menilai serta menangani risiko dan kekangan fasiliti di kawasan pembelajaran. Sehubungan itu, usaha **penaiktarafan kualiti fasiliti** dilaksanakan dengan kerjasama pihak UPO bagi mengurangkan risiko yang dihadapi oleh pelajar (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_T01_TB04_TC02_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB04_TC02_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB04_TC02_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB04_TC02_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB04_TC02_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pejabat HEP, perancangan aktiviti/projek/program bagi mencapai BT perlu kelulusan di pelbagai peringkat seperti **Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Aktiviti Pelajar (JPAP)**, **Mesyuarat Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)** dan **Mesyuarat PP Sumber Manusia (MPPSM)** yang diadakan secara berkala (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.1).

Amalan **komunikasi terbuka dan dua hala** oleh pejabat HEP KPPIM juga berperanan penting dalam mendapat maklum balas segera dari pihak terlibat, dan memudahkan tindakan penambahbaikan segera dilaksanakan. **Maklumbalas** kepada perancangan aktiviti/projek/program direkod dan diberi secara lisan kepada pelaksana program untuk **tujuan penambahbaikan** sebelum kelulusan diberikan (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.2).

Bagi meneliti tindakan penambahbaikan setiap program, keberkesanan pemantauan pencapaian BT dapat dilihat melalui data maklum balas yang dikumpulkan. **Platform Google Form** digunakan bagi mendapatkan maklum balas semua aktiviti/projek/program yang telah dijalankan (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.3). Laporan penutup aktiviti/projek/program perlu dihantar kepada pejabat HEP dalam tempoh 14 hari selepas program tamat, dan pengumpulan data melalui **sistem Smart HEP** akan dibentangkan di dalam **mesyuarat jawatankuasa eksekutif KPPIM (JEK)**. Laporan Analisa akan dibincangkan oleh pengurusan kanan KPPIM bagi **mengenal pasti tindakan penambahbaikan** program akan datang (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.4).

Tindakan penambahbaikan bagi aktiviti/projek/program yang dilaksanakan telah dikaji dan dianalisa melalui penyimpanan, pelaporan dan pengumpulan data melalui **sistem integrasi SmartHEP**. Sistem ini membenarkan penyimpanan data dapat dilakukan secara sistematik dan automatik yang membolehkan **pemantauan dilakukan anytime, anywhere**. Hal ini turut memberi manfaat dan rujukan kepada pihak dalaman dan luaran dalam perkongsian maklumat (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_T01_TB04_TC03_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB04_TC03_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB04_TC03_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB04_TC03_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB04_TC03_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.4.3.5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan KPPIM menghargai kecemerlangan pelajar dari segi akademik, kepimpinan dan kesejahteraan dengan memberi anugerah khusus kepada pelajar. Pendekatan KPPIM untuk mencapai **kelestarian diri (self-sustained)** pelajar dengan memberi pelajar pengiktirafan berdasarkan strategi baharu **model Winner's Journey WTEC - Wonderer, Tourist, Explorer dan Conqueror**. Dalam bidang akademik, **Anugerah Dekan** diadakan setiap semester bagi meraikan pelajar yang cemerlang dengan pencapaian nilai CGPA 3.5 ke atas. Pelajar yang cemerlang dalam bidang kepimpinan dan kesejahteraan juga diraikan dan dipaparkan pada **KPPIM Wall of Fame**. Selain daripada itu, pembudayaan **projek 1P1S** yang diterapkan dalam kursus akademik KPPIM menjadi **value-added** dan memberi **peluang** kepada pelajar mendapat sijil profesional setelah tamat pengajian (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.1).

Hasil dari pemantauan dan kajian semula terhadap pelanggan BT, KPPIM telah membuat **inovasi pendigitalan** dalam pengurusan aduan pelanggan dengan mewujudkan **saluran aduan pelajar** yang berfungsi sebagai **one-stop-centre**, merangkumi **Sistem eCARE HEP KPPIM, eADUAN UiTM, eADUAN FASILITI UiTM dan eADUAN ICT UiTM** boleh dicapai dengan mengimbas QRCode yang disediakan dan disebarkan kepada pelajar secara fizikal dan di media sosial. Sistem eCARE HEP KPPIM adalah **inisiatif dan hasil inovasi** yang dibangunkan oleh pejabat HEP KPPIM bertujuan membantu pengurusan dan tindakan terhadap pelajar yang efektif dan efisien (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.2).

Pihak KPPIM mewujudkan **komunikasi terbuka dan dua hala** yang **mesra pelanggan**, serta menggunakan cara **mendidik daripada menghukum pelajar** memberi **peluang pelajar** menjadikan pejabat HEP KPPIM sebagai pusat rujukan pelajar. Pelajar yang mempunyai masalah kewangan, ditimpa musibah dan sebagainya dibantu pihak HEP KPPIM melalui saluran **Tabung Alumni Prihatin RM5**. Tabung Alumni Prihatin RM5 dibangunkan oleh UiTM telah digunapakai secara **efektif** bagi memudahkan urusan pengumpulan dana secara atas talian untuk bantuan kepada pelajar. **Hebahan secara efisien** disalurkan menerusi **platform media sosial Whatsapp** dan **email** kepada semua warga KPPIM (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.3).

Pengurusan KPPIM proaktif dalam **agenda pemerksaan OKU UiTM** dengan mengadakan kolaborasi bersama Unit Pengurusan OKU (UPO UiTM). Fasiliti OKU telah ditambah baik seperti kemudahan tandas OKU, parkir OKU dan kemudahan ruang pelajar yang selesa turut disediakan bagi menjaga kesejahteraan pelajar di KPPIM. Selain daripada itu, **perkhidmatan sokongan kepada pelajar OKU** juga turut diberi merangkumi bantuan akademik, fasiliti, prasarana dan bantuan kewangan. Bagi memperkasa **agenda cakna OKU**, Pengurusan KPPIM juga turut membantu dalam penghebahan tabung cakna OKU UiTM dan bantuan bencana warga OKU UiTM 2024 oleh Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU (U-DServeD) (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.4).

Pihak KPPIM turut bekerjasama dengan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM (ZAWAF) UiTM bagi memberi sokongan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelajar KPPIM. ZAWAF menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak ZAWAF. Kecekapan pihak ZAWAF dalam takbir urus zakat juga terbukti dengan penganugerahan **“Best Zakat Management in Higher Education Institutions 2024”** di dalam *Global Islamic Finance Awards 2024* (GIFA 2024) yang berlangsung di *Villa Nautica, Paradise Island, Republic of Maldives* (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.5).

Projek Kotak Rezeki ialah inisiatif pejabat HEP bagi membantu pelajar melalui agihan makanan pada waktu tertentu seperti menjelang Ramadan, Hari Raya dan musim peperiksaan, manakala bantuan harian disediakan melalui **PitStop Food ForYou @ KPPIM** yang menyediakan bantuan makanan percuma setiap hari di ruang pelajar (KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_T01_TB05_20251_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.1.pdf](#)
2. [B0085_T01_TB05_20252_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.2.pdf](#)
3. [B0085_T01_TB05_20253_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.3.pdf](#)
4. [B0085_T01_TB05_20254_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.4.pdf](#)
5. [B0085_T01_TB05_20255_KPPIM_Lampiran_Tumpuan_Kepada_Pelanggan_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

KPPIM melaksanakan pengukuran dan analisis data secara sistematik bagi memastikan strategi dalam bidang tumpuan (BT) Pengurusan dan Pembangunan Pelajar dapat dinilai secara tepat dan berkesan. Pelan Strategik KPPIM 2022–2025 dan Pelan Tindakan Strategik SAP 2024 **dirangka berlandaskan hala tuju dan garis panduan antarabangsa, kebangsaan dan kementerian seperti 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh PBB, Revolusi Industri 4.0, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi), Dasar STI Negara 2021–2030 dan Teras Strategik Malaysia Madani.**

Hebahan SAP KPPIM kepada warga KPPIM bertujuan memastikan perancangan aktiviti mencapai BT yang disasarkan serta menepati Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan. Perancangan pengurusan pelajar dilaksanakan melalui **komunikasi terbuka antara staf HEP dan pelajar**, yang turut memudahkan pengurusan kebajikan pelajar secara sistematik dan pantas. Pelajar diberi peluang melakar pembelajaran berasaskan pengalaman melalui model pelajar iaitu **WTEC (*Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror*)**.

Penstrukturan semula pejabat HEP KPPIM dengan penambahan jawatan baharu memperkukuh pelaksanaan SAP KPPIM. Tiga inisiatif utama diperkenalkan: **Gemp4K, WISE dan G-YES. Proses Perancangan (P), Pelaksanaan (D), Pemantauan (C) dan Tindakan Penambahbaikan (A)** dilaksanakan secara teliti bagi menjamin kelancaran program. **Fokus utama ialah pemeraksanaan pelajar, pengukuhan sistem perkhidmatan dan kelestarian diri selari dengan aspirasi Malaysia Madani.**

Pada tahun 2024, **sepuluh PI** berkaitan pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pengurusan telah dikenalpasti oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). **Pencapaian PI HEP mencecah 100% pada Suku Ketiga, manakala pencapaian keseluruhan PI kolej ialah 94% (6 bintang)**, membuktikan keberkesanan pendekatan ini.

Pengukuran data dilaksanakan secara berterusan melalui laporan aktiviti pelajar mengikut takwim bulanan. **Program yang diluluskan oleh HEP selepas mesyuarat JPAP, MPPSM dan JEK disebarluaskan melalui e-mel, laman web dan media sosial.** Projek seperti **1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S) dan latihan industri dalam dan luar negara** menyumbang kepada peningkatan *Graduate on Time (GOT)* dan kebolehpasaran graduan (GE).

Pemantauan dilakukan melalui **sistem SmarHEP, Aplikasi Skor Simulator, Google Drive, Google Form dan Microsoft Excel.** Staf HEP memantau aktiviti pelajar dan melaporkannya dalam mesyuarat JPAP dan JAKP. Strategi WTEC dan model Global Talent BHEP UiTM digunakan untuk menilai potensi pelajar sebagai bakat unggul yang berdikari dan berimpak tinggi.

Tindakan penambahbaikan melalui pengukuran data melibatkan adaptasi **model Global Talent BHEP UiTM** bagi memperkasa pelajar dengan kemahiran global. Untuk meningkatkan keterlihatan pelajar, inisiatif **“1000 Kejayaan” dan “KPPIM Wall of Fame”** diwujudkan bagi **menghargai pelajar yang berjaya di peringkat nasional dan antarabangsa.**

Hasilnya, pejabat HEP KPPIM meraih pelbagai anugerah sepanjang 2024 termasuk **Anugerah KPI Universiti (6 bintang), tempat kedua Wargames.my, Anugerah Khas Kembara, Anugerah Mahasiswa OKU Harapan, juara dan tempat ketiga UiTM x IBM Hackathon, tempat keempat Global Prominence Award, Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Most Outstanding ICT Academy.** Pengiktirafan ini membuktikan kecemerlangan pengurusan HEP di bawah kepimpinan Dekan HEP KPPIM, menjadikan KPPIM terus unggul dan berimpak tinggi.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan keberhasilan berimpak tinggi dalam bidang tumpuan pembangunan dan pengurusan pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPPIM memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran Petunjuk Prestasi (PI) tahun 2024 serta membentuk kelestarian diri pelajar. Pejabat ini diketuai oleh Dekan HEP, dibantu oleh Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar, Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Ketua Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar, Pegawai Eksekutif, Koordinator Persatuan Pelajar dan Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.1).

Pendekatan utama KPPIM disasarkan melalui **tiga (3) keberhasilan utama**. Pertama, **pembangunan pelajar** dari aspek akademik dinilai melalui pencapaian seperti *Graduate on Time (GOT)*, Anugerah Naib Canselor (ANC), pensijilan profesional, latihan industri, inovasi pelajar dan kebolehpasaran graduan. Kedua, **pembangunan kepimpinan pelajar** dinilai melalui pelantikan sebagai duta pelajar, pengantarabangsaan, kesukarelawan, kesukanan, kesenian dan keusahawanan. Ketiga, **pengurusan pelajar** merangkumi kebajikan, maklum balas pelajar melalui *Students' Feedback Online (SuFO)*, sinergi pelajar OKU dan pengurusan zakat. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.2).

Tiga (3) inisiatif utama yang dipertanggungjawabkan kepada HEP melalui Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2024 ialah GemP4K, WISE dan G-YES. Pejabat HEP bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif ini melalui perancangan projek berimpak tinggi dan kursus akademik yang disulamkan dengan elemen kemasyarakatan serta pensijilan profesional seperti projek **1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S)**. Strategi ini diselaraskan dengan model *Winner's Journey WTEC (Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror)* dan model pelajar Sought After and Self-Sustained Talent, selari dengan tema pengurusan **KPPIM: Iconic and Impactful**.

Ketiga-tiga inisiatif ini merangkumi tujuh program utama: 1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, e-Sports, pensijilan pelajar (1P1S), Kongsi Rezeki, SULAM dan Hari Keusahawanan. Pengukuran bidang tumpuan (BT) dilakukan berdasarkan Perancangan Strategik KPPIM 2024 serta perbandingan PI dari tahun 2021 hingga 2024. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.1 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4).

Pengukuran BT di KPPIM adalah berdasarkan:

1. Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2024 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.3).
2. Perbandingan PI dalam BT pada tahun 2021, 2022 dan 2023, 2024 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.3).

Inisiatif ini digerakkan oleh Dekan HEP dengan tema **Sought After and Self-Sustained Talent**, bertujuan melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang tetapi juga berkualiti dalam pelbagai aspek. **Falsafah Pembangunan Mahasiswa** turut diperkenalkan sebagai pemacu utama dalam membimbing pelajar dari segi kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan pemikiran kritikal (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4).

Bagi memastikan kelancaran setiap projek, ketua projek PI di bawah HEP bertanggungjawab mengurus dan menyelia data aktiviti pelajar. Item ukuran termasuk bilangan program, penyertaan pelajar, anugerah diterima, kos peruntukan dan jumlah perbelanjaan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4). Setiap aktiviti pelajar perlu melalui dua peringkat mesyuarat: Pra Mesyuarat JPAP yang dipengerusikan oleh Dekan HEP dan Mesyuarat JPAP oleh Penolong Naib Canselor (PNC). Mesyuarat ini diadakan setiap bulan bagi memastikan kelulusan dan pelaksanaan program berjalan lancar serta memberi manfaat kepada pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_A01_AB02_20251_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB02_20252_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB02_20253_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB02_20254_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_A01_AB02_20255_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah dan sumber **perancangan yang tepat** amat penting dalam penilaian untuk mencapai sasaran Petunjuk Prestasi (PI) tahunan. Data dikumpul dan dianalisis secara sistematik oleh KPPIM melalui tiga inisiatif utama Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2024. Setiap pengurus inisiatif bertanggungjawab menghantar pencapaian data PI kepada PSTU pada hari keempat setiap bulan untuk dimuat naik ke dalam sistem BTU. Data ini turut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK) bagi tujuan pemantauan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.1).

Aktiviti dan laporan enam projek utama bidang tumpuan (BT) KPPIM dimuat naik ke dalam sistem **SmartHEP** untuk pemantauan dan perbandingan dalam sistem UiTM (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.1). **Proses pendigitalan pengumpulan maklumat dan pelaporan dilaksanakan menggunakan Google Form, Google Drive dan Microsoft Excel, bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan pengurusan data.**

KPPIM juga proaktif dalam **menjalin kerjasama strategik dengan industri** melalui perjanjian persefahaman bersama syarikat seperti **Microsoft, SAS, Google, CISCO, DNB, ERICSON dan Huawei** serta berjaya mengekalkan penarafan **Premier Digital Tech Institution** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.2). Usaha ini membolehkan pelajar memperoleh sijil profesional yang diiktiraf industri melalui program 1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S). Trend penyertaan pelajar dalam bengkel pensijilan menunjukkan peningkatan dari tahun 2021 hingga 2024, termasuk penyertaan staf yang turut memperoleh pensijilan profesional (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.2).

Dari aspek **kepimpinan**, pelajar diberi peluang menyertai dan menganjur pertandingan inovasi di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa. Sepanjang tahun 2024, penglibatan pelajar dalam **Projek e-Sports seperti UiTM x IBM Hackathon Bridgehack to Industry, Valorant Vortex, PUBG Challenge dan Junior e-Sport** menunjukkan penyertaan yang memberangsangkan. Ini membuktikan kepercayaan industri terhadap kredibiliti pelajar serta meningkatkan kenampakan pelajar UiTM (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3).

Dari **aspek kesukarelawan, pelajar, terdapat tiga program** utama dalam BT yang berimpak tinggi (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3). Kejayaan dalam pelaksanaan program-program tersebut melalui **kolaborasi di antara jabatan HEP, ICAN dan MASMED adalah signifikan** terhadap aktiviti pembangunan dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar. KPPIM juga dapat memperkasakan jaringan strategik yang melibatkan pelbagai agensi sama ada universiti, badan kerajaan, komuniti tempatan mahupun alumni. Ini adalah melalui dua projek utama iaitu **Projek Kongsi Rezeki dan Hari Keusahawanan dengan konsep utamanya iaitu “setiap kesulitan pasti ada jalan penyelesaian”**. Saluran aduan bagi kebajikan pelajar juga turut dihebahkan melalui poster (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5).

Kenampakan global ini seterusnya meningkatkan **kebolehpasaran graduan KPPIM**. Hal ini dapat dibuktikan apabila UiTM menjadi antara **universiti pilihan teratas majikan** melalui beberapa bidang utama dari KPPIM iaitu *actuarial science, computing & information technology, analytics, multimedia, mathematics & statistics*. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.4).

Hebahan program dijalankan melalui pelbagai saluran seperti laman sesawang KPPIM, sesi townhall, mesyuarat, bengkel, poster, UiTM Newshub, media sosial (Instagram, Facebook, Telegram, TikTok) dan emel. **Komunikasi terbuka dan dua hala berkonsepkan ‘anytime, anywhere’** antara warga HEP dan pelajar mengenai kebajikan dan kesihatan mental turut diwujudkan. Ruang komunikasi bersama Dekan HEP membolehkan hubungan yang lebih erat, meningkatkan kepercayaan serta memastikan suara pelajar didengari. Usaha ini membantu mengenal pasti isu pelajar lebih awal dan membolehkan tindakan proaktif diambil untuk memperbaiki pengalaman pelajar di kampus (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_A01_AB03_20251_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB03_20252_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB03_20253_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB03_20254_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.4 .pdf](#)
5. [B0085_A01_AB03_20255_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif Pelan Strategik Kolej tercapai, KPPIM telah melaksanakan **sistem pemantauan yang sistematik dan berstruktur** agar program-program di bawah bidang tumpuan (BT) mencapai tahap kecemerlangan. Semasa pembentangan Petunjuk Prestasi (PI) Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK) yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC), **agenda khas** diberikan kepada Dekan HEP untuk melaporkan sebarang isu berkaitan pelaksanaan inisiatif. Mesyuarat ini turut membincangkan justifikasi **ketidakcapaian PI serta mengenal pasti langkah penambahbaikan dan tindakan susulan**. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.1).

Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan setiap enam bulan berfungsi untuk menilai pencapaian KPPIM dan mengenal pasti permasalahan jika sasaran tidak tercapai (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.2). Pelaporan dilakukan secara manual dan dikawal selia secara dalam talian menggunakan **Google Drive**, sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat JEK setiap bulan. Bagi memastikan kualiti kertas kerja pelajar, KPPIM turut mengadakan **Pra Mesyuarat JPAP** dua hingga tiga hari sebelum mesyuarat rasmi. Langkah ini memberi ruang kepada ketua projek untuk memperkemas kertas kerja sebelum dihantar untuk kelulusan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.2).

Aplikasi Simulator i-Skor digunakan oleh Pengurusan Kanan KPPIM untuk memantau dan menganalisis pencapaian PI serta membantu peneraju projek mengambil tindakan sekiranya sasaran tidak dicapai (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.3). Pelaporan pencapaian PI dilakukan oleh PSTU melalui sistem **UePMO**, manakala pemantauan prestasi PI turut dibincangkan dalam Mesyuarat JEK KPPIM secara berkala. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.4). **Pemantauan pencapaian HEP turut dinilai melalui strategi WTEC (Wonderer, Explorer, Tourist, Conqueror)** dan model **Global Talent BHEP UiTM**. Model ini bertujuan memperkasa pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Inisiatif ini merangkumi program pembangunan kepimpinan, kemahiran insaniah dan pengalaman antarabangsa. Melalui penilaian ini, pelajar berpotensi menjadi mahasiswa cemerlang yang dikenali sebagai **Sought After and Self-Sustained Talent** dengan **tagline Iconic and Impactful**.

Hebahan pencapaian BT Pejabat HEP KPPIM turut dikongsikan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti laman sesawang KPPIM, sesi townhall, mesyuarat, bengkel, poster, UiTM Newshub, media sosial (Instagram, Facebook, Telegram, TikTok) dan emel. Usaha ini bertujuan menggalakkan **penglibatan warga kolej** dalam pencapaian PI BT Pejabat HEP serta meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap pelaksanaan pelan strategik (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_A01_AB04_AC01_20251_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.1.docx.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB04_AC01_20252_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.2.docx.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB04_AC01_20253_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.3.docx.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB04_AC01_20254_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.4.docx.pdf](#)
5. [B0085_A01_AB04_AC01_20255_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.5.docx.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keberkesanan pengukuran dan analisis bidang tumpuan (BT), risiko perlu **dikenal pasti, dinilai, diurus dan ditangani secara sistematik**. Untuk mengelakkan risiko pelaporan data yang tidak tepat, pegawai bertanggungjawab perlu meneliti setiap risiko serta melaksanakan tindakan kawalan yang bersesuaian bagi mencapai matlamat KPPIM.

Strategi pengurusan risiko KPPIM adalah selaras dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTM. Risiko dikenal pasti semasa **bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP)**, dan diklasifikasikan kepada enam kategori. Penilaian impak terhadap manusia, reputasi, kewangan, operasi dan objektif UiTM turut diambil kira. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.1).

Risiko yang dikenal pasti dibincangkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC). Risiko yang diluluskan akan didaftarkan ke dalam sistem **e-RMS UiTM** oleh penyelaras risiko dan dipantau serta dikemas kini tiga kali setahun (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.2).

Tiga risiko utama telah dikenal pasti: **risiko keselamatan data, risiko operasi dan risiko projek atau kewangan**. Risiko projek melibatkan kegagalan mencapai sasaran penyertaan pelajar dalam program yang memerlukan yuran dan kos pensijilan tinggi. Tindakan susulan termasuk pengurangan yuran dan pemberian baucar atau diskaun. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Risiko operasi merangkumi aktiviti pelajar dan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU). Instrumen *Happiness Index* dan pemantauan melalui Google Form digunakan, namun maklum balas tidak mencukupi. Oleh itu, **pemakluman** disebarkan melalui laman web, emel dan aplikasi WhatsApp (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Risiko keselamatan data melibatkan kemungkinan kehilangan data akibat pertukaran staf semasa penstrukturan kolej. Tindakan susulan termasuk **pemindahan pengetahuan antara staf secara efisien** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Risiko lain turut dikenal pasti dan direkodkan dalam lampiran pengukuran KPPIM. KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.5. Semua risiko ini dipantau secara berterusan oleh penyelaras risiko yang dilantik bagi memastikan tindakan pencegahan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_A01_AB04_AC02_20251_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB04_AC02_20252_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB04_AC02_20253_KPPIM Lampiran Pengukuran_4.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB04_AC02_20254_KPPIM Lampiran Pengukuran_4.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_A01_AB04_AC02_20255_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.5.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi mengkaji semula pengukuran dan pengetahuan bidang tumpuan (BT) KPPIM, pemantauan prestasi pencapaian akan dibentangkan setiap suku tahun sebelum dianalisis oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Data pengukuran yang dikumpulkan melalui pelaporan akan dibentangkan di peringkat pejabat masing-masing sebelum diserahkan kepada Penyelaras PSTU KPPIM. Sekiranya sasaran pencapaian belum dicapai dalam tempoh ditetapkan, **tindakan proaktif dan pembetulan akan diambil oleh penyelaras** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.1).

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk bengkel pensejajaran perancangan strategi dan bengkel tindakan strategi yang diadakan pada awal tahun. Setiap kertas kerja program BT Pejabat HEP perlu melalui kelulusan pelbagai peringkat seperti **Mesyuarat JPAP, JEK dan MPPSM**. Tambahan pula, Pra Mesyuarat JPAP diadakan 2–3 hari sebelum JPAP bagi memberi ruang kepada ketua projek menambah baik kertas kerja sebelum kelulusan. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.2).

Laporan status pencapaian program perlu dihantar kepada Pejabat HEP **dalam tempoh 14 hari selepas program tamat**. Data dikumpul melalui Google Drive dan dibentangkan dalam **Mesyuarat JEK serta dilaporkan melalui sistem SmartHEP**. Laporan analisis akan dibincangkan oleh dekan dan pengurusan tertinggi KPPIM. Tindakan penambahbaikan dikenal pasti melalui kelemahan dan kekuatan program yang dilaksanakan. (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.3).

Keberkesanan pengukuran pencapaian BT turut dinilai melalui **maklum balas yang dikumpulkan menggunakan Google Form**, khususnya bagi program melibatkan akademik, alumni, komuniti, kebajikan, kesukarelawanan dan pelajar OKU (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.5).

Penambahbaikan program dikaji melalui rekod, penyimpanan, pelaporan dan pengumpulan data. Melalui penggunaan **Google Drive HEP** dan **sistem SmartHEP**, penyimpanan data dapat dilakukan secara sistematik dan automatik, membolehkan pemantauan dilaksanakan pada **bila-bila masa dan di mana** sahaja. Usaha ini memberi manfaat sebagai rujukan kepada pihak dalaman dan luaran dalam perkongsian maklumat.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_A01_AB04_AC03_20251_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB04_AC03_20252_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB04_AC03_20253_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB04_AC03_20254_KPPIM Lampiran Pengukuran_4.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_A01_AB04_AC03_20255_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.5 .pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penganalisan data yang diukur dan dilaporkan merupakan elemen penting dalam memastikan penambahbaikan program dapat dilaksanakan **secara berterusan dan proaktif**. Melalui pelaksanaan program serta pelaporan menggunakan sistem seperti **SmartHEP dan Aplikasi Simulator i-Skor**, pemantauan oleh **ahli mesyuarat JPAP, JEK dan JPR** dapat dilakukan pada **bila-bila masa dan di mana sahaja**. SmartHEP sebagai pusat pengumpulan data membantu menjamin keselamatan **pelaporan serta mengurangkan risiko berkaitan keselamatan dan kerahsiaan maklumat**.

Setelah penambahbaikan dikenal pasti, khususnya bagi projek utama KPPIM melalui Pejabat HEP seperti Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, e-Sport, 2P (Prihatin dan Peka), dan pensijilan pelajar, Dekan HEP telah melaksanakan **projek khas iaitu 1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.1). **Projek ini menyasarkan 1,000 pelajar KPPIM dalam tempoh lima tahun untuk dipaparkan di Wall of Fame**, termasuk mereka yang berjaya dalam pertandingan, lulus peperiksaan profesional, dilantik sebagai duta pelajar, atau menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inisiatif ini selaras dengan matlamat UiTM untuk menjadi **Globally Renowned University 2025 (GRU2025)**.

Pengukuran aktiviti pelajar diselaraskan dengan strategi model WTEC (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.2). Hasil daripada pelaksanaan projek khas ini, lebih 200 kejayaan pelajar telah dipaparkan di **KPPIM Wall of Fame** sepanjang tahun 2022 hingga 2024. Selain itu, projek 1P1S turut dilaksanakan melalui kerjasama erat antara BHEP, ICAN dan pihak industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.3).

Inovasi KPPIM Wall of Fame yang diperkenalkan pada tahun 2023 menjadi perintis dalam kalangan kolej dan fakulti di UiTM. Kejayaan ini turut memberi inspirasi kepada Fakulti Pendidikan untuk mewujudkan **EDU Champions** pada tahun 2024 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4). Inisiatif ini menonjolkan kejayaan pelajar KPPIM selaras dengan hala tuju institusi yang menitikberatkan pembangunan pelajar berkualiti berasaskan model *Sought After and Self Sustained Talent*.

Kecekapan staf Pejabat HEP turut diiktiraf melalui penganugerahan **Star of the Month dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada beberapa staf atas sumbangan mereka di peringkat KPPIM** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4). Budaya penghargaan ini menyemai semangat kerja berpasukan dan motivasi dalam kalangan warga kerja, sekali gus memastikan pengurusan dan pembangunan pelajar dilaksanakan secara konsisten dan berkesan.

KPPIM juga memberi penekanan kepada kolaborasi strategik bersama industri bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak pasaran kerja. Melalui pelbagai program seperti latihan industri, seminar, bengkel dan kursus yang dirancang bersama industri, pelajar didedahkan kepada kemahiran yang relevan dan terkini. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan, malah memastikan mereka mampu menyumbang secara efektif kepada pembangunan industri dan ekonomi negara.

Secara keseluruhannya, usaha KPPIM dalam mengurus risiko, memperkenalkan inovasi, dan meningkatkan kebolehpasaran graduan membuktikan komitmen tinggi institusi dalam melahirkan pelajar yang cemerlang, berdaya saing dan berimpak global.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_A01_AB05_20251_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.1.pdf](#)
2. [B0085_A01_AB05_20252_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.2.pdf](#)
3. [B0085_A01_AB05_20253_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.3.pdf](#)
4. [B0085_A01_AB05_20254_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan nadi utama dalam menjamin kelestarian, kecemerlangan dan keberkesanan **KPPIM sebagai sebuah Kolej Pengajian** yang berdaya saing di peringkat nasional dan global. Pendekatan pengurusan sumber manusia KPPIM digerakkan melalui tiga faktor utama iaitu strategi, struktur, dan budaya organisasi yang diperkukuh dengan kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Act). Pendekatan ini telah membudayakan inovasi, kreativiti, serta peningkatan kompetensi dalam kalangan warga, sekali gus memastikan kemenjadian pelajar yang holistik.

KPPIM kini beroperasi dengan kekuatan **353 warga kerja** yang merangkumi **201** staf akademik berkelulusan **PhD**, **105** berkelulusan **Sarjana**, serta **47** staf **pentadbiran**. Keseluruhan warga sentiasa **diberikan peluang peningkatan kemahiran** melalui program latihan dalaman, kursus di organisasi luar, serta program di ILD. **Sokongan** penuh juga diberikan kepada **pensyarah** untuk menyalurkan **kepakaran** sebagai pentadbir, perunding, pakar rujuk, dan penasihat di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa. Di samping itu, sistem **kenaikan pangkat** dilaksanakan secara **telus dan sistematik** bagi menjamin motivasi dan daya saing staf sentiasa terpelihara.

Bagi memastikan **prestasi** sentiasa berada **pada tahap terbaik**, **penilaian** dilakukan secara **berterusan** melalui **Sasaran Kerja Tahunan (SKT)**, pemantauan prestasi, serta pertemuan bersemuka antara staf dan penyelia. Aspek penghasilan kerja turut dinilai daripada sudut kualiti, kuantiti, kos, dan ketepatan masa. Mekanisme **penghargaan** pula digerakkan melalui **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)**, **Majlis Apresiasi KPPIM**, dan pengiktirafan bulanan **Star of The Month** yang meningkatkan motivasi serta budaya kerja cemerlang.

Dalam aspek **pembangunan pelajar**, Pejabat HEP KPPIM menjadi teras utama **melahirkan graduan berdaya saing dengan kemahiran insaniah (KI) tinggi**, melalui **Model i-HEP KPPIM** yang berasaskan PI HEP (PI027–PI038) serta **Model Mahasiswa “Sought After and Self-Sustained Talent”**. Pelbagai program utama telah dijayakan, antaranya **KPPIM Wall of Fame**, **Pensijilan Profesional Pelajar (1P1S)**, **SULAM**, **Mobiliti**, **e-Sports**, **Kongsi Rezeki** dan **Hari Keusahawanan**. Semua inisiatif ini **membentuk** ekosistem **pembangunan pelajar yang holistik, kreatif, dan berimpak tinggi**.

Bagi **memperkukuh keberkesanan**, KPPIM turut mengaplikasikan **sistem pemantauan** berstruktur melalui **mesyuarat** rasmi seperti **JEK**, **JPAP**, **PPSM**, dan **MKSP**, di samping menyediakan saluran **aduan e-CARE**. Tahap kepuasan staf dan pelajar dipantau secara berterusan, terbukti melalui **Happiness Index 6.0 (2024)** yang merekodkan indeks kegembiraan **70%**, **meskipun berdepan cabaran penstrukturan fakulti**. Dalam pengurusan risiko pula, KPPIM menubuhkan **MJPR** serta **OSHA** bagi **memastikan risiko** berkaitan sumber manusia, **keselamatan**, dan **operasi dapat dikenal pasti lebih awal, dipantau, dan dikawal**.

Integrasi strategi turut diperkasa melalui inisiatif inovatif seperti **“1 Minggu 1 Alumni KPPIM”**, **Sinergi OKU**, **1P1S**, serta amalan sahsiah rupa diri (**SRD**) pelajar. **Pencapaian** warga KPPIM juga **disebarluaskan melalui pelbagai platform digital** agar menjadi sumber inspirasi kepada komuniti.

Secara keseluruhannya, **pendekatan pengurusan sumber manusia yang berstrategi, telus, inklusif** dan inovatif telah **membolehkan KPPIM mengekalkan prestasi tinggi, melahirkan warga yang kompeten, serta memperkukuh kemenjadian pelajar**. Usaha berterusan ini menyumbang kepada **kecemerlangan KPPIM** dalam mendukung aspirasi UiTM dan agenda **Malaysia MADANI**.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perkembangan Kolej Pengajian banyak bergantung kepada tiga faktor utama, iaitu **strategi, struktur, dan budaya kerja di KPPIM yang digerakkan melalui penggunaan empat (4) kaedah PDCA (Plan–Do–Check–Act)**. Strategi dalam konteks inovasi merujuk kepada usaha mencari pendekatan terbaik bagi mencapai matlamat organisasi. Sehubungan itu, **pembudayaan inovasi dan kreativiti sentiasa diterapkan** dalam kalangan warga KPPIM agar setiap staf berupaya menjana idea baharu demi kesejahteraan dan kemajuan Kolej Pengajian. **Kejayaan ini dibuktikan** apabila KPPIM mencapai **100% pencapaian PI HEP** pada tahun **2024** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.1).

KPPIM kini dianggotai oleh **353** tenaga kerja yang terdiri daripada 201 staf akademik berkelulusan PhD, 105 berkelulusan Ijazah Sarjana, serta 47 staf pentadbiran. **Program latihan dan pembangunan staf dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan semua warga KPPIM memperoleh peluang peningkatan kemahiran dan kerjaya, sama ada melalui latihan dalaman, kursus anjuran organisasi luar, atau program di ILD.** Pengurusan KPPIM turut memberikan **sokongan** penuh kepada staf akademik untuk **menawarkan kepakaran** mereka sebagai pentadbir akademik, pakar rujuk, perunding, dan penasihat **di peringkat universiti, kebangsaan, mahupun antarabangsa.** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.2).

Selain itu, **pemberian ganjaran dijadikan salah satu mekanisme bagi meningkatkan minat staf untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti KPPIM.** Penilaian prestasi yang **telus dan adil** dilaksanakan bagi menggalakkan peningkatan kompetensi staf serta mewujudkan budaya kerja cemerlang. Penganjuran **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Apresiasi KPPIM** turut **memperkuh** usaha ini, di samping **mengekal staf berprestasi tinggi** serta menzahirkan penghargaan terhadap sumbangan mereka. Pada masa yang sama, inisiatif kecemerlangan kesarjanaan pensyarah turut digerakkan, manakala kompetensi staf pentadbiran dipantau secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem pengurusan sumber manusia di KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.3)

KPPIM juga menyokong sepenuhnya **proses kenaikan pangkat yang dirancang secara sistematik, telus, dan berkesan.** Semua warga KPPIM diberi peluang memohon kenaikan pangkat sekiranya memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Malah, bengkel penerangan turut dianjurkan bagi membantu staf akademik memahami syarat serta kaedah permohonan kenaikan pangkat. Melalui pendekatan ini, KPPIM memastikan **setiap warga kerja diberi ruang untuk berkembang dan berdaya saing, sekali gus memperkuh pembangunan serta kelestarian Kolej Pengajian.** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.4).

Usaha berterusan ini telah memberi impak besar terhadap **kejayaan KPPIM dalam penyampaian perkhidmatan cemerlang serta penganjuran pelbagai program pembangunan pelajar** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.5). Antara langkah yang dilaksanakan termasuk:

- **Prestasi dan kompetensi staf:** dinilai secara telus melalui pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang dipantau secara berterusan, termasuk pertemuan bersemuka antara staf dan penyelia.
- **Penghasilan kerja:** dinilai berdasarkan aspek kuantiti, kualiti, ketepatan masa, dan kos.
- **Pengiktirafan kecemerlangan:** KPPIM mengiktiraf prestasi cemerlang staf melalui surat atau sijil penghargaan bulanan *Star of The Month*, yang turut dikongsikan bersama warga universiti melalui e-mel rasmi UiTM.

Di samping itu, Pembangunan dan Pengurusan Pelajar turut menjadi fokus utama Kolej Pengajian. **Pejabat HEP KPPIM sentiasa menitikberatkan usaha membangunkan potensi pelajar agar menjadi insan seimbang yang diperkaya dengan kekuatan rohani, jasmani, emosi, dan intelek, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.** Pendekatan ini turut diperkuh melalui penerapan Model *Winner's Journey WTEC*, iaitu **W (Wonderer), T (Tourist), E (Explorer), dan C (Conqueror), yang membudayakan kecemerlangan serta menyokong pencapaian Big Target (BT) Kolej Pengajian** (KPPIM_Lampiran_Sumber

Manusia_5.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_S01_SB02_20251_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.2.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB02_20252_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.2.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB02_20253_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.2.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB02_20254_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.2.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB02_20255_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pejabat HEP KPPIM berfungsi sebagai nadi penggerak utama dalam menyokong agenda universiti untuk melahirkan **graduan berdaya saing, seimbang dari segi akademik, sahsiah serta kemahiran insaniah**. Kejayaan pelaksanaan fungsi dipacu oleh penglibatan menyeluruh warga kerja KPPIM, termasuk pentadbir, pensyarah, staf sokongan dan rakan industri. Semua usaha ini diselaraskan dengan **aspirasi universiti** serta hala tuju negara ke arah melahirkan **graduan holistik, bercirikan profesionalisme dan kepimpinan yang mampan**.

Pelaksanaan fungsi Pejabat HEP berpaksikan **Pelan Strategik KPPIM 2024**, yang menterjemahkan matlamat universiti melalui pembangunan **Model i-HEP KPPIM**. Model ini merangkumi dua komponen utama. Komponen pertama ialah **Petunjuk Prestasi (PI) HEP** yang menyokong pencapaian indikator universiti (PI027 hingga PI038) dengan penekanan kepada inisiatif **Gemp4K, WISE dan G-YES**. Kedua ialah **Model Mahasiswa KPPIM**, berasaskan tema **“Sought After and Self-Sustained Talent”**, yang menekankan kebolehpasaran graduan serta penghayatan kepada Teras Strategik Malaysia Madani. Kedua-dua komponen ini digerakkan secara bersepadu bagi mewujudkan ekosistem pembangunan pelajar yang menyeluruh. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.1).

Bagi memperkukuh kemenjadian pelajar, tujuh program utama telah dilaksanakan di bawah komponen PI HEP. Antaranya ialah **KPPIM Wall of Fame** yang menghimpunkan lebih 200 pencapaian pelajar di peringkat nasional dan antarabangsa; **Pensijilan Profesional Pelajar (1P1S)** yang meningkatkan nilai tambah melalui akreditasi profesional; **SULAM** yang menghubungkan ilmu akademik dengan komuniti; **Mobiliti Pelajar** yang membuka ruang pendedahan global; serta pengiktirafan bidang baharu melalui **e-Sports**. Selain itu, **Hari Keusahawanan** menjadi wadah penerapan budaya niaga, manakala **Kongsi Rezeki** membentuk sahsiah prihatin dan empati dalam kalangan mahasiswa. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.2).

Pengurusan Pejabat HEP turut memberi tumpuan kepada keberkesanan tadbir urus melalui penggunaan teknologi digital. Aplikasi **eMesyuarat, Google Drive, OneDrive, Takwim Pelajar** dan **Google Sites** telah dimanfaatkan bagi meningkatkan produktiviti, integriti serta ketelusan pengurusan. Mekanisme kawalan mutu diperkukuh melalui Mesyuarat HEP, JPAP serta pra-JPAP yang memberi fokus kepada keberkesanan, kawalan kos berhemah dan pencapaian *value for money*. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.3).

Kepimpinan Pejabat HEP dizahirkan melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat universiti dan kebangsaan. Antara pencapaian utama termasuk **Anugerah Pencapaian 100% PI, Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari, Anugerah Inspirasi Kecemerlangan HEP (AAU 2024)** serta pencapaian **skor i-UiTM sebanyak 92%**. Pada masa yang sama, staf Pejabat HEP turut diraikan dengan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Star of the Month, Sijil Profesional MBOT**, selain **pelantikan ke jawatan strategik universiti** seperti **Timbalan Naib Canselor (TNC)** dan **Pengarah Institut Kepimpinan Pelajar (IKP)**. Kesemua pencapaian ini **membuktikan keberkesanan kepimpinan, tahap profesionalisme yang tinggi serta budaya kerja cemerlang** warga Pejabat HEP. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.4).

Pejabat HEP juga komited terhadap agenda sosial dan kelestarian melalui penglibatan dalam program komuniti dan sukarelawan. Antara program yang dilaksanakan ialah **Eco-Run for Inclusion, Hari Terbuka AI @ UiTM, International Cross-Cultural & Humanitarian Programme (ICCHP24), Kongsi Rezeki** serta **Bubur Lambuk Bersama Komuniti**. Usaha ini bukan sahaja **memupuk semangat sukarelawan** dalam kalangan pelajar, malah **memperkukuh hubungan universiti dengan masyarakat** serta meningkatkan **reputasi UiTM** di peringkat **nasional dan antarabangsa**. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.5).

Secara keseluruhannya, **Pejabat HEP KPPIM** telah menzahirkan pelaksanaan fungsi yang efektif melalui **perancangan strategik, program pembangunan pelajar, pengiktirafan**

keimpinan, penggunaan teknologi digital serta **penglibatan komuniti**. Semua inisiatif ini memperlihatkan peranan Pejabat HEP sebagai agen transformasi yang **menyokong** agenda **kemenjadian pelajar, kelestarian universiti, dan aspirasi Malaysia Madani**.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_S01_SB03_20251_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.3.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB03_20252_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.3.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB03_20253_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.3.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB03_20254_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.3.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB03_20255_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengukuran kepuasan pelanggan merupakan elemen utama dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan agar lebih baik, efisien dan efektif. Sehubungan itu, **KPPIM** sentiasa **peka** terhadap **kebajikan** serta **aduan staf** dan **pelajar**, di samping **memastikan** setiap **tindakan susulan dilaksanakan** segera bagi mencapai tahap kepuasan yang cemerlang.

Bagi menjamin keberkesanan pemantauan, **KPPIM mengaplikasikan** pendekatan berstruktur melalui beberapa mesyuarat utama yang diadakan secara berkala, termasuk **Mesyuarat JEK, JAKP, JPAP, PPSM, MKSP** serta **Mesyuarat Penolong Naib Canselor bersama Warga**. Dalam mesyuarat ini, laporan aktiviti turut dibentangkan, termasuk maklumat berkaitan staf dan pelajar yang disalurkan menerusi Mesyuarat JEK (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.1). Mesyuarat PPSM pula menekankan laporan jam latihan staf yang menyertai program latihan dalaman dan luaran, sekali gus memberi gambaran jelas mengenai tahap penglibatan staf dalam pembangunan profesional mereka (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.2).

Sebagai pelengkap, KPPIM turut menyediakan medium aduan melalui **Google Form – e-CARE** yang **dikendalikan Pejabat HEP**. Sistem ini **meliputi Aduan Fasiliti, Aduan ICT, dan Aduan Am** yang diselaraskan UiTM Shah Alam, manakala **Aduan KPPIM** yang melibatkan isu kritikal seperti kemalangan atau kematian diuruskan segera oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti Shah Alam (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.3).

Pemantauan fasiliti turut diberi **penekanan** melalui penyeliaan menyeluruh terhadap kemudahan dan perolehan peralatan demi **menjamin keselamatan serta keselesaan warga**. Antara usaha dilaksanakan ialah **pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** bagi tujuan keselamatan serta penggantian **pintu “access door”** di UiTM Kampus Shah Alam dan Puncak Perdana (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.4).

Dari aspek **kepuasan pelanggan**, analisis maklum balas menunjukkan tahap kepuasan staf terhadap persekitaran dan sistem kerja berada **pada tahap baik, meskipun 2024 merupakan tahun kedua pelaksanaan penstrukturan fakulti**. Hal ini turut dibuktikan melalui **Kajian Happiness Index 6.0** yang merekodkan **skor 70%**, **mencerminkan kesejahteraan positif warga KPPIM** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.5).

Kepimpinan KPPIM juga responsif terhadap maklum balas dan aduan dengan mengamalkan budaya komunikasi terbuka serta dua hala. Pendekatan **“anytime, anywhere”** bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengurusan, malah memastikan kebajikan pelajar diberi perhatian segera. Usaha ini memperkukuh tadbir urus, sinergi program, serta hubungan antara staf, seterusnya mendorong KPPIM mencapai prestasi cemerlang (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_S01_SB04_SC01_20251_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB04_SC01_20252_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB04_SC01_20253_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB04_SC01_20254_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB04_SC01_20255_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.1.5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan proses menyeluruh yang dilaksanakan di semua peringkat UiTM bagi memastikan keberkesanan pengoperasian organisasi. Ia merangkumi **usaha mengenal pasti peristiwa berpotensi, menilai implikasi, serta menetapkan langkah kawalan** yang **sesuai** untuk menjamin pencapaian objektif KPPIM secara berkesan.

Sehubungan itu, KPPIM menubuhkan **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) dan OSHA sebagai platform utama dalam mengurus sistem operasi dan keselamatan**, khususnya berkaitan **pengurusan pelajar serta sumber manusia**. Hasil analisis risiko kemudiannya dibentangkan dalam MJPR dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.1). **Pelantikan ahli** Jawatankuasa Pengurusan Risiko daripada **kalangan staf pentadbiran dan akademik** turut memperkukuh sistem ini, manakala Panduan Pengurusan Risiko UiTM menjadi rujukan strategik. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.2).

Melalui pendekatan berstruktur, **strategi KPPIM dapat dirangka dengan mengambil kira potensi risiko yang berupaya menjejaskan kelancaran operasi**. Antara risiko utama yang dikenal pasti adalah berkaitan aspek sumber manusia, **khususnya melibatkan lantikan Koordinator dan Ketua Unit yang tamat tempoh atau berpindah tempat bertugas**. Situasi ini **berpotensi mengganggu operasi Pejabat HEP serta menambah beban tugas pegawai lain**. Bagi mengurangkan kesan tersebut, pihak pengurusan KPPIM telah **melaksanakan** langkah mitigasi melalui **penggantian lantikan** serta pemberian bayaran kerja lebih masa bagi **memastikan kelangsungan urusan pentadbiran tidak terjejas**. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.3).

Proses pengurusan risiko dipraktikkan di semua peringkat KPPIM dan disemai sebagai budaya kerja berterusan. Risiko perlu dikenal pasti sejak awal agar tindakan kawalan dapat dilaksanakan, selari dengan adaptasi ISO 31000:2009 sebagai standard pengurusan risiko. Tindakan pembetulan turut dilaksanakan secara berterusan hasil daripada aduan staf dan pelajar melalui Audit Dalam dan Luar (contohnya MBOT dan Audit Penstrukturan), selain saluran aduan digital seperti e-Aduan UiTM, e-Aduan Fasiliti, e-Aduan ICT dan e-CARE HEP KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.4).

Selain itu, **pengendalian risiko KPPIM dilaksanakan secara sistematik sekurang-kurangnya tiga kali setahun**. Proses ini melibatkan **pengenalpastian, penilaian** serta **penetapan mekanisme kawalan** di peringkat strategik dan operasi. **Sistem aduan** yang digunakan merangkumi **Aduan Fasiliti, Aduan ICT, dan Aduan Am** yang diselaraskan oleh UiTM Shah Alam. Sementara itu, **Aduan KPPIM yang melibatkan isu kritikal seperti kemalangan atau kematian diuruskan segera oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti Shah Alam** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.3). **Usaha berstruktur** ini memastikan risiko dapat ditangani dengan berkesan, sekali gus menjamin kelangsungan perkhidmatan serta pencapaian objektif strategik KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_S01_SB04_SC02_20251_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB04_SC02_20252_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB04_SC02_20253_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB04_SC02_20254_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB04_SC02_20255_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.2.5.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula secara berkala di KPPIM dilaksanakan melalui **Bengkel Perancangan Strategik KPPIM** yang diadakan setiap tahun. Bengkel ini menjadi platform penting dalam menilai prestasi keseluruhan organisasi, khususnya melalui **SWOT Analysis** yang melibatkan semua pejabat dan unit utama seperti HEA, HEP, Pejabat Pentadbiran, P&I, ICAN, Business Development Unit (BDU), Unit Korporat, dan Unit Kualiti. **Analisis** ini memberi tumpuan kepada usaha **mengenal pasti Petunjuk Prestasi (PI), membina sinergi program, serta merangka strategi bagi pengoptimuman sumber kewangan, peningkatan kompetensi staf, pembangunan pelajar, dan memperkukuh ruang penambahbaikan organisasi secara berkesan dan efisien.**

Hasil dapatan daripada **bengkel** ini **diperincikan dan dianalisis** semula bagi menilai keberkesanan strategi yang dilaksanakan. **Penilaian ini membolehkan cadangan penambahbaikan dirumuskan dengan mengambil kira kekuatan, kelemahan, peluang, dan risiko yang dikenal pasti.** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.1). Seterusnya, **Kepimpinan Pengurusan Eksekutif KPPIM memaklumkan dapatan serta cadangan kepada Ketua Bahagian atau Ketua Unit** melalui mesyuarat rasmi di peringkat kolej, sekali gus memastikan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.2).

Di peringkat **Pejabat HEP**, maklum balas dalam bentuk **aduan, saranan, dan cadangan** daripada **pelajar** diberi perhatian segera bagi **memastikan kesejahteraan dan keselesaan mereka sentiasa terjamin.** Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 adalah berasaskan kepada input yang diterima daripada pelajar melalui saluran rasmi. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.3).

Selain aspek pengurusan operasi, perhatian turut diberikan kepada kesejahteraan fizikal, mental, dan emosi warga kerja. Pengurusan sumber manusia menekankan kepentingan keseimbangan ini kerana tanpa kesihatan yang baik, teknologi serta ilmu pengetahuan tidak dapat diaplikasikan secara optimum. Justeru, **Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** memainkan peranan penting dalam **mengenal pasti dan merancang keperluan latihan staf** yang selaras dengan pencapaian Petunjuk Prestasi Universiti dan Pelan Perancangan Strategik UiTM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.4).

Bagi menyokong kesejahteraan staf, Pejabat HEP KPPIM **menubuhkan Kelab Rekreasi Staf** yang menganjurkan **aktiviti riadah selepas waktu kerja** seperti **badminton, futsal, dan boling**, yang mendapat sambutan menggalakkan daripada staf pentadbiran dan akademik. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.5).

Secara keseluruhan, **amalan mengkaji semula** dan melaksanakan **tindakan penambahbaikan** secara **berterusan** telah **memperkukuh keberkesanan pengurusan KPPIM**, bukan sahaja dari aspek prestasi organisasi, malah dalam **memastikan kesejahteraan** serta kepuasan **warga kerja** dan **pelajar.**

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_S01_SB04_SC03_20251_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB04_SC03_20252_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB04_SC03_20253_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB04_SC03_20254_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB04_SC03_20255_KPPIM Lampiran Sumber Manusia 5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan KPPIM dan Pejabat HEP sentiasa mengutamakan pembangunan inovasi serta kreativiti dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti kerja di Kolej Pengajian. Usaha integrasi ini melibatkan pelbagai lapisan warga kolej sama ada pelajar, staf pentadbiran, akademik, mahupun alumni, sekali gus memperkukuh budaya kecemerlangan yang inklusif. Antara inisiatif serta inovasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:

KPPIM Wall of Fame

Inisiatif rasmi ini diwujudkan bagi meraikan lebih daripada **1000 kejayaan pelajar** di **peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Wall of Fame bukan sekadar deretan nama atau pencapaian, tetapi sebuah penghargaan terhadap perjuangan, ketekunan, dan semangat juang graduan yang mengharumkan nama KPPIM. Ia juga berfungsi sebagai **sumber inspirasi kepada seluruh komuniti kolej untuk terus melakar kecemerlangan**. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam melahirkan graduan yang kompetitif di peringkat global serta mendukung kerangka Ekonomi MADANI. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.1)

1 Minggu 1 Alumni KPPIM

Program ini menampilkan **seorang alumni setiap minggu** sebagai **tanda penghargaan** terhadap **pencapaian** mereka. Selain meraikan kejayaan, ia memberi **peluang** kepada **alumni** untuk **berkongsi pengalaman** kerjaya, motivasi, dan **pandangan profesional bersama pelajar**. Inisiatif ini **menguatkan jaringan antara alumni, pelajar, serta fakulti** melalui platform rasmi KPPIM, sekali gus memperkasa ekosistem kecemerlangan akademik dan profesional. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.2)

Sinergi OKU

Komitmen KPPIM terhadap pembelajaran inklusif dizahirkan melalui **penyediaan** pelbagai **inisiatif** dan **infrastruktur mesra OKU**. Usaha ini memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat **akses pendidikan yang adil dan saksama** dalam **persekitaran yang menyokong** serta menghormati **kepelbagaian**. Ia selaras dengan agenda nasional untuk memperluaskan akses pendidikan berkualiti kepada semua lapisan masyarakat. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.2)

1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S)

Strategi ini **menggalakkan pelajar meningkatkan ilmu** dan kemahiran **melalui penyertaan pertandingan** serta **kursus persijilan profesional**. Pejabat HEP menyediakan peluang bimbingan bagi membantu pelajar **memperkukuh kemahiran insaniah** dan **kebolehpasaran mereka**, sekali gus mempersiapkan diri untuk kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.2)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Apresiasi KPPIM

Pengiktirafan ini diberikan kepada staf yang **mempamerkan prestasi cemerlang setiap tahun**. Melalui **APC dan Majlis Apresiasi KPPIM**, **kecemerlangan kerja, komitmen tinggi**, serta dedikasi warga **diberi penghargaan** secara rasmi. Usaha ini meningkatkan motivasi staf untuk terus memberi perkhidmatan terbaik. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.3)

Sebarluaskan Maklumat Kejayaan

Kejayaan staf dan pelajar disebarikan melalui laman web, **TikTok, Instagram, Facebook, Telegram** dan **WhatsApp**. Unit Korporat bertanggungjawab menguruskan poster kejayaan staf manakala Pejabat HEP menguruskan poster kejayaan pelajar. Usaha ini memastikan maklumat kejayaan dapat diakses secara pantas, inklusif, serta memberi motivasi berterusan kepada warga kolej. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.4)

Amalan ESI IDART & Sahsiah Rupa Diri (SRD)

Bagi menjamin disiplin pelajar, **Pejabat HEP** melaksanakan **kempen kesedaran** dan **pemeriksaan berkala ke atas etika berpakaian** serta sahsiah rupa diri. **Tatakelakuan pelajar dipantau** oleh **Pihak Berkuasa Tatatertib HEP** (lantikan Naib Canselor UiTM) berdasarkan

peruntukan Akta 174. Langkah ini menegaskan kepentingan samsian sebagai tunjang pembentukan graduan berdisiplin dan berintegriti. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.5)

Secara keseluruhannya, inisiatif integrasi ini bukan sahaja memperkukuh budaya kecemerlangan dalam kalangan pelajar dan staf, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan imej KPPIM sebagai sebuah kolej pengajian yang progresif, inklusif, dan berdaya saing di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_S01_SB05_20251_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.5.1.pdf](#)
2. [B0085_S01_SB05_20252_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.5.2.pdf](#)
3. [B0085_S01_SB05_20253_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.5.3.pdf](#)
4. [B0085_S01_SB05_20254_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.5.4.pdf](#)
5. [B0085_S01_SB05_20255_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

OPERASI SISTEMATIK KPPIM KE ARAH *GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY*

Untuk menjadi ***Globally Renowned University*** menjelang 2025 (GRU2025), pengurusan operasi yang sistematik berdasarkan amalan kerja berkualiti telah diamalkan oleh KPPIM. Berlandaskan model mahasiswa KPPIM dengan tema ***Sought After and Self Sustained Talent***, HEP KPPIM telah merencana agenda keberhasilan pencapaian yang menumpukan kepada 3 operasi utama iaitu pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan pelajar serta pengurusan kesejahteraan dan kebajikan pelajar.

Operasi berkaitan pembangunan pelajar dalam akademik dilaksanakan merujuk kepada Peraturan, Garis Panduan dan Manual Hal Ehwal Akademik UiTM. Proses ini diperkemas dengan prosedur yang lebih terperinci iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan Pejabat HEA&A KPPIM. Manakala, semua proses bagi kepimpinan dan pembangunan pelajar serta kesejahteraan dan kebajikan pelajar dijalankan mengikut Garis Panduan dan Prosedur Hal Ehwal Pelajar UiTM. Proses ditambahbaik dengan prosedur yang lebih terperinci iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan HEP KPPIM dan Manual Kualiti KPPIM (ISO 9001:2015).

Semua aktiviti pelajar dirancang secara bersasar bagi mencapai petunjuk prestasi dalam Pelan Tindakan Strategik (SAP) dan memenuhi keperluan inisiatif iaitu GemP4K, WISE dan G-Yes. HEP mengenalpasti aktiviti/pertandingan yang sesuai untuk pelajar, memastikan pelaksanaan mengikut prosedur untuk mencapai dan menambahbaik kualiti aktiviti serta mencapai objektif operasi. Program kepimpinan dan pembangunan pelajar dirancang dan dipantau secara berkala melalui pelaporan dan analisis prestasi. Kebajikan pelajar diuruskan melalui garis panduan, semakan permohonan dan pemantauan penggunaan sumber. KPPIM menyebarkan operasi melalui mesyuarat pengurusan dalaman dan platform komunikasi digital.

Pemantauan operasi dilakukan melalui pelbagai saluran termasuk Pra Mesyuarat JPAP, pangkalan data HEP KPPIM, Aplikasi Simulator i-Skor dan Sistem SmartHEP. Maklum balas dua hala digunakan untuk menilai kepuasan pelajar dan pihak berkepentingan, manakala prestasi akademik dipantau melalui laporan CDL-CQI dan laporan Latihan Industri.

KPPIM turut melaksanakan pengurusan risiko berasaskan Standard QMS ISO 9001:2015, di mana Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) bertanggungjawab mengenal pasti, mengkaji risiko dan mencadangkan tindakan mitigasi. Mesyuarat JPR menjadi wadah untuk membudayakan pengurusan risiko secara berterusan.

Bagi mengenal pasti aspek peningkatan kualiti, KPPIM menjalankan analisis tumpuan operasi melalui bengkel Kaji Semula Operasi yang melibatkan pelbagai aspek seperti operasi akademik, pengantarabangsaan, kebolehpasaran, keusahawanan, kebajikan dan kepuasan pelajar. Berdasarkan laporan dan analisis output program, tindakan pembedahan dan penambahbaikan dikemukakan dan dibincangkan dalam mesyuarat. Inisiatif strategik dikenalpasti untuk mencapai hasil operasi yang maksimum, termasuk program penambahbaikan aktiviti pelajar, program pemantauan pensyarah, pengkajian semula kurikulum, program pengantarabangsaan dan sokongan infrastruktur untuk pelajar.

KPPIM komited membudayakan amalan terbaik melalui penambahbaikan berterusan dan inovasi untuk pengurusan dan pembangunan pelajar. Kerjasama antarabangsa melalui MoU, penggunaan teknologi seperti QR Code dan Sistem SmartHEP, serta inisiatif seperti *Student Lounge* dan Sudut Keusahawanan meningkatkan kecekapan dan interaksi. Projek kebajikan seperti Kongsi Rezeki dan Pitstop4u memupuk semangat komuniti, manakala sistem pengurusan berpusat dan penguatkuasaan sahsiah rupa diri memperkuat disiplin dan integriti.

KPPIM juga menekankan penjimatan masa dan kos dalam setiap langkah strategik, yang

mempolakan sumber digunakan dengan lebih bijak, seterusnya mengoptimalkan produktiviti dan keberkesanan operasi universiti. Melalui inisiatif ini, KPPIM komited untuk meningkatkan kualiti operasi dan menyokong visi UiTM menjadi *Globally Renowned University*. Pendekatan yang lebih efisien dan inovatif membolehkan KPPIM mencapai kecemerlangan menyeluruh dalam semua bidang operasi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

1. Pembangunan Pelajar dalam Akademik

Operasi berkaitan pembangunan pelajar dalam akademik diselia oleh Pejabat Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (HEA&A). Semua proses yang dilaksanakan merujuk kepada Peraturan, Garis Panduan dan Manual Hal Ehwal Akademik UiTM. Proses ini diperkemas dengan prosedur yang lebih terperinci hasil inovasi Pejabat HEA&A KPPIM iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan Pejabat HEA&A KPPIM. Sesi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang dijalankan dirancang dengan teliti dan teratur dengan melibatkan peranan penting bahagian pengurusan fasiliti, perpustakaan dan pentadbiran. Bahagian pengurusan fasiliti bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggara kemudahan fizikal yang kondusif untuk PdP. Bahagian perpustakaan menyediakan akses kepada sumber rujukan yang komprehensif dan relevan dengan kurikulum. Manakala, bahagian pentadbiran pula memastikan kelancaran operasi harian dan penyelarasan antara kolej pengajian dan pelajar, serta menguruskan sistem maklum balas dan penilaian untuk penambahbaikan berterusan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.1).

Pejabat HEP memainkan peranan utama dalam merancang dan melaksanakan inisiatif strategik bagi BT. Dasar, peraturan dan garis panduan UiTM telah dirujuk untuk memastikan objektif HEP tercapai. Semua proses dijalankan mengikut Garis Panduan dan Prosedur Hal Ehwal Pelajar UiTM. Ia juga selari dengan Pelan Perancangan Strategik BHEP UiTM 2020-2025. Proses ditambahbaik dengan prosedur yang lebih terperinci hasil inovasi dari Pejabat HEP KPPIM iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan HEP KPPIM dan Manual Kualiti KPPIM (ISO 9001:2015). Perancangan sistematik bagi proses-proses utama dalam operasi HEP ini sentiasa dipantau, dikaji semula dan ditambahbaik melalui mesyuarat dalaman. Proses-proses utama ini yang mendukung BT sentiasa diukur keberkesananannya dengan mengambil kira elemen inovasi dan dibahagikan kepada dua iaitu (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.2):

2. Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar

Dengan menggunakan pendekatan PDCA, perancangan untuk program kepimpinan dan pembangunan pelajar diselaraskan dengan hala tuju universiti. KPPIM menggunakan pendekatan bersepadu dan inovatif bagi memastikan keberhasilan Sought After and Self Sustained Talent. Aktiviti dan program yang disertai oleh pelajar dikenalpasti melalui sesi retreat, bengkel dan mesyuarat dalaman berdasarkan data sedia ada. Proses pelaksanaannya berteraskan kepada keseimbangan dan kesepaduan dari segi jasmani (J), emosi (E), rohani (R), sosial (S) dan intelek (I) yang dikenali sebagai JERSI. Pelajar berpotensi diberikan latihan intensif bagi penglibatan pelajar dalam aktiviti dan pertandingan di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pihak Pengurusan KPPIM memberi keutamaan kepada aktiviti ini dengan memberi sokongan padu dalam aspek kewangan termasuk kelulusan peruntukan untuk memastikan kejayaan operasi ini (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.3).

3. Pengurusan Pelajar

Perancangan pengurusan pelajar dilakukan secara sistematik memfokuskan kepada tiga elemen iaitu penilaian sistem pengurusan pelajar, pelaksanaan perkhidmatan sokongan dan penambahbaikan berterusan. Penilaian sistem pengurusan melibatkan analisis maklum balas pelajar, tinjauan, temu bual dan perbincangan kumpulan fokus. Pelaksanaan perkhidmatan sokongan menekankan reka bentuk program kesejahteraan untuk kesihatan mental, fizikal dan sosial pelajar, serta sistem sokongan untuk isu-isu akademik dan kesihatan. Penambahbaikan berterusan melibatkan pemantauan berkala, pengumpulan maklum balas berterusan dan mengenal pasti keperluan baharu (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.4).

Strategi merealisasikan kecemerlangan pelajar dalam semua aspek diadaptasi dari Model *Winner's Journey WTEC* iaitu *W (Wonderer)*, *T (Tourist)*, *E (Explorer)* dan *C (Conqueror)* diatur untuk menyokong semua proses utama (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.5). Dengan

pendekatan ini, setiap proses utama dalam HEP dilaksanakan secara sistematis, dengan penekanan pada penilaian, penambahbaikan dan inovasi untuk memastikan kejayaan dan kecemerlangan dalam BT.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_O01_OB02_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.2.1.pdf](#)
2. [B0085_O01_OB02_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.2.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB02_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.2.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB02_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.2.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB02_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penerapan model PDCA dalam tiga proses utama iaitu:

1. Pembangunan Pelajar dalam Akademik

Untuk merealisasikan keberhasilan pencapaian pelajar dalam akademik, Pejabat HEA&A KPPIM bertanggungjawab menetapkan objektif akademik, strategi pengajaran dan penyediaan sumber. Perancangan dilakukan bersama Ketua Pusat Pengajian dan staf sokongan melalui sesi retreat perancangan strategik dan mesyuarat JAKP. Program seperti Klinik Bimbingan Kursus dilaksanakan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian akademik pelajar dipantau secara teratur melalui pelaporan CDL-CQI yang dibentangkan dalam Mesyuarat JAKP. Pemantauan berterusan ini memastikan bahawa objektif yang ditetapkan tercapai. Berdasarkan hasil pemantauan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibuat melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian untuk memastikan peningkatan berterusan dalam pencapaian akademik pelajar (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.1).

2. Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar

Perancangan bagi semua aktiviti berkaitan pelajar dibuat di dalam Bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP) pada setiap permulaan tahun bagi mengenalpasti program yang akan dijalankan sepanjang tahun. Perancangan tersebut dijadikan sebagai landasan kepada Petunjuk Prestasi Utama melalui penggunaan Aplikasi Simulator Skor bagi pelaksanaan semua program yang akan dijalankan. Semua program juga dilaksanakan berbandukan SAP melalui inisiatif GemP4K, WISE dan G-Yes. Projek-projek serta aktiviti/pertandingan tumpuan dan sasaran yang bersesuaian untuk disertai oleh pelajar dipastikan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk mencapai, mengekalkan dan menambahbaik kualiti aktiviti yang disertai serta memastikan hasil pencapaian selaras dengan objektif operasi. Pemantauan pencapaian setiap program dibuat secara teratur melalui pelaporan yang dibentangkan dalam sesi mesyuarat JPAP dan JEK yang dijalankan secara berkala oleh pegawai tanggungjawab. Hasil daripada pelaporan, dapatan dari sesi post-mortem dan analisis dari output pencapaian setiap program, tindakan pembetulan dan penambahbaikan dikemukakan. Semua tindakan susulan ini akan dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat unit, bahagian dan pengurusan atasan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.2).

3. Pengurusan Pelajar

Pada peringkat perancangan, HEP akan mengenalpasti keperluan pelajar, menyediakan garis panduan dan prosedur permohonan yang jelas, serta mengkaji keupayaan dan sumber yang ada untuk memenuhi keperluan tersebut. Ini termasuk menetapkan syarat-syarat permohonan, had peruntukan dan kriteria kelayakan bagi semua aktiviti. Pada peringkat pelaksanaan, HEP akan menyediakan saluran permohonan yang efisien. Pelajar yang memenuhi syarat akan mengisi borang permohonan, menyediakan dokumen sokongan dan mengemukakan permohonan mereka. Seterusnya pada peringkat semakan, HEP akan menyemak dan menilai setiap permohonan dengan teliti berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Proses ini melibatkan pengesahan maklumat, penilaian kelayakan dan temuduga. Akhir sekali, pada peringkat tindakan, HEP akan membuat keputusan terhadap permohonan, sama ada meluluskan, menolak atau meminta maklumat tambahan. HEP juga akan memantau penggunaan sumber dan kemudahan, serta mengkaji semula kriteria dan prosedur secara berkala untuk penambahbaikan di masa hadapan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.3).

Semua proses utama ini berjaya melahirkan Ambassador Program dengan syarikat antarabangsa yang melatih pelajar dari aspek pemerksaan dalam kepimpinan dan pengurusan. Di peringkat antarabangsa, KPPIM terlibat dalam inisiatif pengantarabangsaan melalui penganjuran webinar dan pemeteraian MoU dan MoA dengan industri serta universiti antarabangsa. KPPIM menyebarkan operasi melalui mesyuarat pengurusan dalaman dan

platform komunikasi digital. Di peringkat UTM dan kebangsaan, *Google Site* *UTM KPPIM*, *UiTM News Hub* dan *YouTube* dimanfaatkan untuk perkongsian berita dan informasi (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.4).

Melalui penerapan model PDCA secara sistematik, KPPIM memastikan setiap proses utama dijalankan dengan cekap dan berkesan bagi menyokong kecemerlangan dalam BT (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_O01_OB03_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.3.1.pdf](#)
2. [B0085_O01_OB03_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.3.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB03_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.3.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB03_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.3.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB03_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan KPPIM sentiasa memastikan semua operasi aktiviti disemak dan dipantau dengan menjalankan pemantauan bersepadu dan berterusan secara berkala terhadap pelaksanaan beberapa inisiatif strategik utama. Pemantauan ini melibatkan peningkatan pencapaian pelajar bagi pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan pelajar dan kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Proses ini ditambahbaik hasil inovasi dari Pejabat HEP KPPIM melalui Pra Mesyuarat JPAP, pangkalan data HEP KPPIM, Aplikasi Simulator i-Skor, Sistem SmartHEP dan sistem maklum balas dua hala.

Bermula dengan Pra Mesyuarat JPAP yang dijalankan setiap bulan untuk memastikan matlamat, implikasi, objektif, perjalanan setiap cadangan program bersesuaian serta memberikan manfaat maksimum kepada pelajar, universiti, industri luar dan komuniti setempat. Melalui mesyuarat ini, semakan dan tapisan awal bagi penambahbaikan kertas kerja dibuat supaya memenuhi objektif 2I (Iconic and Impactful) dan penjimatan selaras dengan dasar universiti. Selepas Pra Mesyuarat JPAP, pemohon diberikan tempoh masa untuk memurnikan kertas kerja sebelum dibawa ke Mesyuarat JPAP. (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.1).

Pegawai HEP KPPIM dipertanggungjawabkan untuk memantau setiap aktiviti dengan menghadiri dan terlibat secara aktif untuk menilai pencapaian objektif, mengenal pasti cabaran dan mendapatkan maklum balas menyeluruh daripada pelajar serta pihak luar. Ini termasuk mengkaji prestasi akademik pelajar yang terlibat dalam aktiviti kepimpinan, mengukur impak program sukarela, memantau pencapaian dan dana keusahawanan serta pencapaian acara sukan. Proses pemantauan dilaksanakan melalui pelaporan aktiviti yang dibuat dan dikumpulkan di pangkalan data HEP KPPIM. Penggunaan Aplikasi Simulator i-Skor dan Sistem SmartHEP juga dimanfaatkan sebagai inisiatif bagi memantau hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif BT (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.2).

Sistem maklum balas dua hala dibangunkan bagi setiap program yang dijalankan untuk mendapat dapatan mengenai tingkat kepuasan pelajar dan pihak berkepentingan yang terlibat seperti alumni, komuniti dan industri (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.3). Ini membantu pengenalpastian aspek yang perlu dipertingkatkan. Pelaporan yang dibuat akan dibentangkan di Mesyuarat JPAP untuk menilai pencapaian objektif, cabaran dan langkah penambahbaikan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.4). Disamping itu, prestasi akademik pelajar dipantau melalui pelaporan CDL-CQI di dalam Mesyuarat Peperiksaan JAKP dan juga laporan Latihan Industri (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.5).

Selain dari memastikan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, program yang dijalankan perlu dipastikan agar pencapaian pelajar dalam bidang berkenaan dapat dikekalkan dan dioptimumkan demi masa hadapan pelajar serta kemajuan institusi.

SENARAI BUKTI:

1. [B0085_O01_OB04_OC01_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085_O01_OB04_OC01_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB04_OC01_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB04_OC01_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB04_OC01_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengoperasian pengurusan risiko adalah proses penting yang perlu dilaksanakan secara sistematik untuk mendaftar, menilai dan memantau risiko yang dikenalpasti selaras dengan objektif UiTM. Kerangka pengurusan risiko adalah berdasarkan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01) (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.1).

Pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko KPPIM yang berpandukan kepada Pusat Pengurusan Risiko (PPR) diperkasakan dengan lantikan Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) dimana keahliannya terdiri daripada Penolong Naib Canselor yang bertindak selaku pengerusi dan dekan (Akademik dan Antarabangsa) selaku pengerusi ganti. Manakala, semua dekan, ketua pentadbiran, ketua Unit Kualiti dan Strategi, wakil jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai ahli dan staf pentadbiran berperanan sebagai urusetia. Ahli JPR bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko, mengkaji semula dan mengesyorkan tindakan mitigasi berdasarkan carta alir operasi pengurusan risiko UiTM. Dengan cadangan daripada PTJ, seorang penyelaras risiko (PR) dilantik di peringkat UiTM sebagai setiausaha yang berperanan untuk memastikan pembudayaan risiko secara aktif berlaku di PTJ. PR juga perlu mengkoordinasi mesyuarat JPR dan bengkel berkaitan, memberikan nasihat kepada PTJ mengenai pelaksanaan pengurusan risiko secara berterusan dan amalan terbaik pengurusan risiko (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.2).

Seterusnya, pelaporan risiko yang dikenalpasti dan langkah kawalan yang dicadangkan akan dibentangkan oleh PR dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR) yang diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun mengikut tarikh akhir kemaskini yang ditetapkan oleh PPR dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan dua kali setahun. Setelah semua dapatan berkaitan risiko diluluskan dalam MJPR, senarai risiko baharu akan didaftarkan, manakala risiko sedia ada akan dikemaskini ke dalam sistem pelaporan daftar risiko Risk Management System (e-RMS) untuk rekod setiap PTJ. Analisis risiko strategik juga dilakukan semasa perancangan strategik diadakan dan seterusnya penilaian dan pemantauan risiko strategik dilaksanakan bersama dengan pemantauan pencapaian strategik secara berkala (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.3).

Pada tahun 2023, tiada risiko berkaitan HEP yang didaftarkan, ini adalah kerana proses pembaikan telah diambil dengan lebih awal melalui hasil pemantauan berterusan daripada laporan risiko 2022. Sebagai contoh, bagi risiko berkaitan kekurangan dan ketiadaan fasiliti OKU dan fasiliti kecemasan, tindakan mitigasi telah dibuat dengan menyediakan tandas OKU, kerusi roda, peti kecemasan dan laluan pejalan kaki bagi OKU dan parkir OKU yang ditambahbaik (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.4 & KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_O01_OB04_OC02_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085_O01_OB04_OC02_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB04_OC02_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB04_OC02_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.2.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB04_OC02_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

HEP KPPIM menjalankan analisis tumpuan operasi bagi mengenal pasti aspek peningkatan kualiti secara berkala. Bengkel Pengukuhan dan Pemantapan HEP KPPIM diadakan bagi menganalisa operasi-operasi yang telah dijalankan ke atas beberapa **bidang utama** iaitu **akademik pelajar, pengantarabangsaan pelajar, kebolehpasaran pelajar, keusahawanan pelajar, kebajikan pelajar** dan **kepuasan hati pelajar**. Data dari audit dalam, audit luar dan Mesyuarat JPAP, MKSP (bagi agenda aduan) dan Moderator Aduan adalah rujukan utama yang diambil kira dalam perbincangan penambahbaikan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.1).

Daripada analisis yang dijalankan, penambahbaikan dikenal pasti termasuk meningkatkan pencapaian PI 100% dengan lebih awal. Untuk aspek akademik, ruang untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek-subjek teras khususnya akan diberi penekanan. Bagi pengantarabangsaan pelajar, program penyambutan dan sokongan akan diperkukuhkan seiring dengan keperluan semasa. Manakala untuk aspek kebolehpasaran adalah menjadi target utama untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran yang lebih relevan mengikut teknologi semasa (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.2).

Inisiatif-inisiatif berimpak dikenalpasti dan dicadangkan bagi mendapatkan hasil operasi yang lebih maksimum. Antaranya ialah melaksanakan program pemantauan pensyarah seperti pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PRO-PENS), *Teaching Effectiveness Index (TEX)* dan *Student Feedback Online (SuFO)* yang lebih berimpak, berintegriti dan telus (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.3). Selain itu, kajian semula kandungan kurikulum seperti pelaksanaan semakan IQA-04 yang sejajar dengan keperluan industri semasa dan kompetitif dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara, meningkatkan program pengantarabangsa dengan memperkukuhkan kerjasama sedia ada dan mengenalpasti kerjasama baharu, memperkenalkan program pengiktirafan kemahiran dan memperkukuh sokongan infrastruktur untuk keusahawanan pelajar juga dilaksanakan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.4).

Selain itu, cadangan juga dikemukakan untuk meningkatkan program sokongan kaunseling, bantuan kewangan dan aktiviti kokurikulum bagi kebajikan pelajar. Inisiatif-inisiatif ini diberikan perancangan teliti agar dapat dilaksanakan secara teratur dan berterusan bagi memastikan hasil analisis mencapai matlamat meningkatkan kualiti dan pencapaian pelajar di KPPIM (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_O01_OB04_OC03_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085_O01_OB04_OC03_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB04_OC03_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB04_OC03_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB04_OC03_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.4.3.5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan pembudayaan terbaik yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan berterusan dan berinovasi bagi pengurusan dan pembangunan pelajar yang lebih efektif adalah penting dalam mencapai kecemerlangan menyeluruh. Melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, KPPIM komited untuk membentuk pembudayaan amalan operasi yang mampan, dinamik, berkesan dan inklusif dalam kalangan pelajar dan kakitangan.

1. Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa

Melalui pemeteraian MoU dengan organisasi dan universiti antarabangsa, pelbagai peluang telah dibuka untuk pensijilan serta peningkatan kemahiran. Ini membudayakan kerjasama antarabangsa dan membuka jalan untuk program pertukaran serta penyelidikan bersama (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.1).

2. Teknologi dan Kecekapan Operasi

Penggunaan QR Code yang boleh diimbas untuk mendapatkan borang-borang berkaitan HEP telah mempermudah proses bagi pelajar dan kakitangan. Ini membudayakan penggunaan teknologi dalam urusan pentadbiran dan meningkatkan kecekapan operasi. Sistem SmartHEP yang dibangunkan secara bersama oleh Dekan HEP KPPIM selaku Ahli Perunding Projek Pembangunan Sistem Respositori Pangkalan Data HEP UiTM digunapakai oleh seluruh Sistem UiTM. Ia dibangunkan bertujuan untuk pengurusan pelaporan yang lebih sistematik, cepat dan bersepadu yang juga antara inisiatif pembudayaan amalan operasi terbaik KPPIM (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.2).

3. Sokongan dan Interaksi Pelajar dan Pembangunan Keusahawanan

Penubuhan *Student Lounge* sebagai *One-Stop Center* menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada pelajar. Tempat ini menjadi pusat aktiviti pelajar, membudayakan interaksi dan sokongan komuniti dalam kalangan mereka. Sudut Keusahawanan diwujudkan untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan pelajar. Ini memberikan platform untuk pelajar mengembangkan idea perniagaan mereka, mendapatkan bimbingan, dan melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.3).

4. Kebajikan dan Komuniti

Inisiatif kebajikan Projek Kongsi Rezeki seperti Kotak Rezeki dan Pitstop KPPIM membudayakan semangat membantu dan kebajikan di kalangan pelajar. Ini menggalakkan mereka untuk sentiasa prihatin terhadap keperluan rakan-rakan mereka dan masyarakat sekeliling (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.4).

5. Pengurusan dan Disiplin Pelajar

Sistem Pengurusan Berpusat untuk aduan pelajar dan pemantauan kecemerlangan pelajar telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti pengurusan. Sistem ini membudayakan amalan pengurusan yang lebih sistematik dan berkesan. Penguatkuasaan sistem saman untuk sahsiah rupa diri juga telah diperkenalkan untuk memantau dan meningkatkan disiplin serta kualiti pelajar. Ini membudayakan kepatuhan terhadap peraturan dan meningkatkan integriti pelajar (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.5).

Melalui pelbagai inisiatif dan sistem yang diperkenalkan, budaya peningkatan berterusan dan keberkesanan operasi telah dapat dicapai. Setiap penambahbaikan ini telah membentuk budaya yang positif dan dinamik dalam kalangan pelajar dan kakitangan, menuju ke arah kecemerlangan menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [B0085_O01_OB05_20251_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.5.1.pdf](#)

2. [B0085_O01_OB05_20252_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.5.2.pdf](#)
3. [B0085_O01_OB05_20253_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.5.3.pdf](#)
4. [B0085_O01_OB05_20254_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.5.4.pdf](#)
5. [B0085_O01_OB05_20255_KPPIM LAMPIRAN TUMPUAN KEPADA OPERASI 6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil 2: Pembangunan Kepimpinan Pelajar

- 2.1 Pengantarabangsaan Pelajar
- 2.2 Kepimpinan Ambassador / Duta Pelajar
- 2.3 Kesukarelawan Pelajar
- 2.4 Kesukanan, Kesenian dan Keusahawanan Pelajar

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Selari dengan inisiatif utama KPPIM, terdapat **empat (4) hasil utama** bagi **pembangunan kepimpinan pelajar** iaitu Pengantarabangsaan, Kepimpinan *Ambassador/Duta Pelajar*, Kesukarelawan, dan Kesukanan, Kesenian dan Keusahawanan. Kesemua hasil ini menunjukkan **pencapaian yang luar biasa** dalam melahirkan pelajar yang mempunyai semua elemen model mahasiswa ***Sought After and Self Sustained Talent*** dengan tagline ***Iconic and Impactful***.

Berdasarkan Model Mahasiswa, **tahap pencapaian KPPIM** mencatatkan **lonjakan besar** dengan pencapaian **melebihi tahap sasaran**. Ini dapat dilihat daripada hasil pencapaian program pengantarabangsaan pelajar yang **meningkat** termasuk **penyertaan pelajar (23%)**, dan **penyertaan dalam program outbound (594%)**. **Pertumbuhan yang luar biasa** dalam penglibatan pelajar dan konsistensi pencapaian melebihi sasaran setiap tahun menggambarkan keberkesanan pendekatan ***KPPIMGoGlobal*** serta kerjasama yang kukuh dengan universiti, industri, dan institusi rakan kongsi. **Selain itu, peningkatan melebihi 40%** dapat dilihat hasil daripada program **kepimpinan Ambassador/Duta Pelajar** dari tahun 2023 sehingga 2024. Pencapaian penyertaan program kesukarelawan, kesukanan, kesenian dan keusahawanan pelajar pada tahun 2024 juga menunjukkan peningkatan yang sangat ketara iaitu **melebihi tahap sasaran**.

Pola kenaikan yang positif dan **melebihi sasaran** juga ditunjukkan dari bidang tumpuan ini dari tahun 2022 hingga 2024 melalui pencapaian pelajar dalam penyertaan dan penganjuran program pengantarabangsaan, kesukarelawan dan juga kesukanan dan kesenian. Tahun 2024 juga telah menyumbang **52%** kepada peratusan jumlah pelajar yang dilantik menjadi duta pelajar, **meningkat sebanyak 373%** berbanding tahun 2022. Peningkatan ini menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam jumlah pelajar KPPIM yang dipilih oleh industri dan menegaskan kejayaan strategi peningkatan prestasi yang dilaksanakan oleh HEP KPPIM.

Perbandingan di antara universiti awam (UA), dan universiti antarabangsa juga menunjukkan bahawa KPPIM mampu untuk bersaing dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara. Tahun 2024, KPPIM telah mencapai **bilangan penyertaan program pengantarabangsaan yang terbanyak** berbanding dengan universiti awam lain di Malaysia. Selain itu, KPPIM telah mencapai **21.9%** berbanding universiti antarabangsa dari jumlah bilangan pelajar yang menjadi duta di industri dalam dan luar negara. Penyertaan di dalam program kesukarelawan, KPPIM telah mencatatkan pencapaian yang amat membanggakan dimana menduduki **tangga kelapan di antara PTJ di UiTM** dengan 121 pelajar. Selain itu, pencapaian KPPIM dalam kesukanan dan kesenian yang **setanding** dengan pencapaian universiti di luar negara.

Keputusan atau impak dari empat hasil utama boleh dikategorikan kepada impak di peringkat cawangan, universiti, negara serta global. Program-program dan aktiviti yang diadakan adalah sebahagian daripada proses untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai peribadi yang cemerlang, mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, mempunyai **inisiatif sendiri yang tinggi** dan **graduan yang seimbang**. Di samping itu, hubungan strategik yang rapat dengan institusi dan agensi kerajaan dan swasta, serta universiti-universiti dalam dan luar

negara membolehkan KPPIM untuk mengadakan pelbagai **program pengantarabangsaan, kesukarelawan, kepimpinan *Ambassador* dan kesukanan, kesenian dan keusahawanan** selaras dengan objektif strategik dan inisiatif strategik universiti. Misi ini telah didokumenkan pada muka surat 18 dalam buku [Pelan Strategik KPPIM 2022-2025](#).

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_B0085_HB02_20251_KPPIM_Lampiran_Hasil_Utama_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_B0085_HB03_20252_KPPIM_Lampiran_Hasil_Utama_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_B0085_HB04_20253_KPPIM_Lampiran_Hasil_Utama_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_B0085_HB05_20254_KPPIM_Lampiran_Hasil_Utama_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil 3 : Hasil Pengurusan Pelajar (Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar)

3.1 Sumbangan dan Kebajikan Pelajar

3.2 Zakat

3.3 SUFO

3.4 Sinergi OKU

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan pelajar di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPPIM telah memberi tumpuan utama kepada **empat (4) aspek** iaitu **Kebajikan, Kesejahteraan, Zakat, SUFO, dan Sinergi OKU** dengan **berasaskan Model WTEC** serta **Model Mahasiswa KPPIM**. Pendekatan menyeluruh ini membolehkan pelajar menikmati sokongan berterusan dari sudut akademik, sahsiah dan kesejahteraan, sekali gus menyumbang kepada pencapaian tinggi di peringkat kolej, universiti dan kebangsaan.

Dari segi **kebjakan pelajar**, **kutipan dana meningkat setiap tahun dan melepasi sasaran**, dengan jumlah tertinggi pada 2024 sebanyak **RM120,635.66**. **Dana ini diagihkan** melalui **pelbagai bentuk bantuan** seperti **kemalangan, kebakaran, kematian, zakat luar, pitstop, serta kotak rezeki**. Inisiatif ini **meringankan beban pelajar** terutamanya golongan B40 dan menyokong pembelajaran mereka.

Bagi **zakat**, **permohonan dan agihan sentiasa meningkat dari 2022 hingga 2024**. Pada 2024, sebanyak 1,089 permohonan diterima dengan jumlah agihan RM350,500.00, membuktikan keberkesanan sistem zakat dalam membantu pelajar berkelayakan. **Impaknya nyata apabila 66% penerima zakat memperoleh CGPA \geq 3.0**, menunjukkan bantuan kewangan ini berperanan meningkatkan prestasi akademik.

Dari **laporan SUFO**, **tahap kepuasan pelajar meningkat konsisten dari 89% (2021) kepada 92.94% (2024)**, jauh melebihi sasaran universiti sebanyak **80%**. Keputusan ini mencerminkan **keyakinan pelajar terhadap kualiti infrastruktur, profesionalisme pensyarah, dan keberkesanan aktiviti pembelajaran**. Maklum balas SUFO turut mendorong **peningkatan mutu pengajaran dan penglibatan pelajar dalam program semasa**. Misalnya, penganjuran Siber Siaga 2024 x iHack 2024 yang melibatkan fakulti serta agensi teknologi berjaya menarik penyertaan tertinggi (103 kumpulan) sehingga UiTM meraih tempat kedua dalam *Malaysia Book of Records*. Selain itu, pensyarah KPPIM turut diiktiraf melalui *National Academic Award*, membuktikan keberkesanan penambahbaikan berasaskan maklum balas pelajar.

Dalam aspek **sinergi OKU**, KPPIM menyediakan pelbagai kemudahan fizikal dan bantuan kewangan khusus. Sehingga kini terdapat 32 orang pelajar OKU, dengan sokongan seperti kerusi roda, laluan khas, tandas mesra OKU, parkir dan Tabung Cakna OKU. **Pencapaian pelajar OKU KPPIM turut terserlah apabila Akmal Zahiruddin Shahrul Alimi menerima dua anugerah khas di peringkat UiTM serta muncul di media nasional sebagai ikon kepimpinan inklusif**.

Dari segi **perbandingan**, nilai bantuan kebajikan KPPIM (RM120,635.66) mengatasi UPSI (RM25,000) dan UMT (RM16,400). UiTM pula unggul dalam kutipan zakat universiti awam dengan jumlah RM16.17 juta (2024), jauh meninggalkan institusi lain. Menurut **laporan SUFO lagi**, **pencapaian KPPIM (92.94%) lebih tinggi berbanding fakulti lain di UiTM** seperti AD (91.5%) dan BM (90.02%). Dalam **konteks OKU**, **UiTM lebih menonjol dalam menawarkan**

banduan menyerasan perbandingan universiti lain seperti UKM.

Akhir sekali, usaha berterusan HEP KPPIM **diiktiraf melalui penganugerahan Anugerah Pencapaian KPI Universiti (MoSAA 2024)** serta kejayaan pelajar dalam pelbagai pertandingan kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan ini menegaskan bahawa pendekatan berasaskan data, sokongan kebajikan, dan pembangunan inklusif yang dilaksanakan benar-benar memperkukuh reputasi KPPIM sebagai peneraju dalam pengurusan pelajar dan melahirkan graduan berdaya saing di peringkat global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_B0085_HB02_20251_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_B0085_HB03_20252_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_B0085_HB04_20253_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_B0085_HB05_20254_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

7.1 HASIL UTAMA 1 - PEMBANGUNAN PELAJAR

KPPIM telah menunjukkan pencapaian luar biasa dalam pembangunan pelajar, merangkumi aspek akademik pelajar melalui- A) *Graduate on Time (GOT)*, Anugerah Naib Canselor (ANC), Pensijilan Profesional, dan Latihan Industri, diikuti B) Inovasi dan, C) Kebolehpasaran Graduan (GE).

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Model Mahasiswa KPPIM dan Model Wonderer, Tourist, Explorer, and Conqueror (WTEC) telah menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar sekaligus mengharumkan nama KPPIM dan UiTM. Bagi tujuan kecemerlangan akademik, KPPIM telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti **a) Graduate on Time (GOT), b) Anugerah Naib Canselor (ANC), c) pensijilan profesional, dan d) latihan industri (LI)**. KPPIM telah mempamerkan pencapaian yang cemerlang pada tahun 2024, melepasi sasaran nasional dalam pelbagai bidang. Dalam aspek akademik, KPPIM mencatatkan **skor GOT sebanyak 92.2%**, melebihi sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu 90.0%. Pencapaian ini menunjukkan bahawa KPPIM berjaya melebihi jangkaan nasional, dengan peratusan pencapaian sebanyak 102.5%. Selain itu, seramai 140 orang pelajar KPPIM menerima Anugerah Naib Canselor (ANC), melepasi sasaran yang ditetapkan. KPPIM juga menjadi peneraju dalam membudayakan Projek *KPPIM Wall of Fame* yang memotivasikan pelajar lain untuk mencapai kecemerlangan. Projek 1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S) juga memberi impak kepada seluruh universiti dengan memetakan kursus pensijilan profesional ke dalam kurikulum. Seramai 121 pelajar memperoleh pensijilan pada tahun 2024, menunjukkan peningkatan kesedaran pelajar tentang nilai tambah dalam pasaran kerja yang kompetitif. Peningkatan kebolehpasaran graduan KPPIM menyumbang kepada ekonomi negara dengan memastikan lebih ramai graduan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan gaji premium. KPPIM diiktiraf sebagai antara bidang pengajian UiTM yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, menjadikannya pilihan utama majikan. Dari segi kebolehpasaran graduan, **i-skor KPPIM mencapai 93.4%**, lebih tinggi daripada sasaran KPT sebanyak 86.4%. Pencapaian ini meletakkan KPPIM dalam kelompok teratas pilihan majikan dalam kalangan bidang berkaitan sains komputer dan teknologi maklumat di Malaysia seperti yang diiktiraf oleh Talentbank Malaysia. Pencapaian dalam inovasi juga melebihi sasaran, dibuktikan dengan penglibatan pelajar dalam pertandingan peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Kejayaan pelajar dalam pertandingan inovasi antarabangsa dan kebangsaan seperti di Vietnam dan pertandingan i-SIIDEDEC, telah meningkatkan keterlihatan UiTM di peringkat global. Ini selaras dengan matlamat *Globally Renowned University (GRU) 2025* dan SDG 4: Quality Education. Secara keseluruhan, hasil ini membuktikan keberkesanan inisiatif yang dijalankan oleh KPPIM dalam meningkatkan kualiti graduan yang holistik dan berdaya saing.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_B0085_HB02_20251_KPPIM_Lampiran Hasil 3_Pengurusan Pelajar_Tahap_7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_B0085_HB03_20252_KPPIM_Lampiran Hasil 3_Pengurusan Pelajar_Tren_7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_B0085_HB04_20253_KPPIM_Lampiran Hasil 3_Pengurusan Pelajar Perbandingan_7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_B0085_HB05_20254_KPPIM_Lampiran Hasil 3_Pengurusan Pelajar Kepentingan_7.3.5.pdf](#)